



PERCUMA



buletin Mutiara

www.buletinmutiara.com

16 – 31 DISEMBER, 2016



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>

<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

P. Pinang pertama sumbang insentif perkhidmatan kepada operator bas sekolah berdaftar

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang buat julung kalinya mengumumkan pemberian insentif perkhidmatan kepada operator bas sekolah sah berdaftar di bawah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) di negeri ini membabitkan jumlah peruntukan bernilai RM462,000 bagi tahun 2016.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pemberian insentif perkhidmatan tersebut adalah yang pertama seumpamanya kepada operator bas sekolah berdaftar di Malaysia.

"Pemberian (insentif perkhidmatan) ini adalah sebagai pengiktirafan kepada operator bas sekolah berdaftar di Pulau Pinang atas sumbangan dan keprihatinan mereka menjaga anak-anak kita, pergi dan pulang dari sekolah setiap hari."

"Anggaplah ini 'bonus' khas perkhidmatan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk operator bas sekolah berdaftar di Pulau Pinang."

"Sungguhpun jumlahnya tidak seberapa, namun, ia jelas menunjukkan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini benar-benar mahu membantu semua rakyat Pulau Pinang mengurangkan beban hidup dan menghadapi masalah kenaikan kos sara hidup," ucapnya pada Majlis Pemberian Insentif Perkhidmatan kepada Operator Bas Sekolah di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Exco Kerja Raya, Utiliti dan



KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan operator-operator bas sekolah bergambar kenangan sejurus selesai Majlis Pemberian Insentif Perkhidmatan kepada Operator Bas Sekolah Peringkat Seberang Perai di sini baru-baru ini.

Pengangkutan, Lim Hock Seng; Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Dato' Ghazali Derahman.

Dalam pada itu, Yang di-Pertua Persatuan Operator Bas Sekolah Negeri Pulau Pinang, Loh Choon Beng ketika ditemui menzhirkkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang yang dipimpin oleh Guan Eng.

"Terima kasih kepada CM (Ketua Menteri) dan Kerajaan Negeri kerana prihatin dan peduli rakyat.

"Pemberian (insentif perkhidmatan) ini adalah sebagai galakan untuk semua operator bas sekolah bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih baik dan

NEGERI BERKEBAJIKAN

1.6 juta rakyat Pulau Pinang telah mendapat manfaat melalui bantuan kewangan **RM412.63 juta** yang diajukan sejak 2008

One-Off:	RM1,000 Urusan Jenazah	RM1,000 IPTA (tambah RM200 untuk Sabah & Sarawak)	RM200 Bayi dilahirkan di Pulau Pinang	RM100 Pelajar (Tahun 1 & 4, Tingkatan 1 & 4)	DAFTARLAH SEKARANG di pejabat ADUN ANDA!
RM100 / tahunan :	RM100 sebulan : Warga Emas Ibu Tunggal OKU Suri Rumah	RM100 sebulan : *Penarik Beca *Pemandu Teksi	RM600 tahunan : *Berdafat *Teksi *Operator Bas Sekolah	Sumbangan pukat 2 kali setahun Nelayan	

selamat untuk pelajar-pelajar sekolah," katanya.

Seramai 621 operator bas sekolah dengan jumlah permit sebanyak 770 permit menerima insentif berjumlah

RM462,000 iaitu 354 permit di bahagian pulau (RM212,400) dan 416 permit di Seberang Perai (RM249,600).

Kerajaan Negeri menyediakan bayaran insentif perkhidmatan

sebanyak RM600 setahun bagi setiap permit tahun ini dengan setiap operator layak menerima bayaran bagi maksimum dua permit dan bayaran berikutnya bagi tahun 2017, akan dibuat dua kali setahun.



M. Bavany.

Semenjak itu, bagi M. Bavany, 30-an dari Bayan Baru, beliau amat terharu apabila menerima insentif perkhidmatan daripada Kerajaan Negeri.

"Selama 15 tahun bekerja sebagai pemandu (operator) bas sekolah, inilah kali pertama saya menerima duit (insentif perkhidmatan) daripada kerajaan... sebelum ini tidak pernah ada (terima insentif) apa-apa," katanya yang turut berterima kasih kepada Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Seorang lagi penerima yang tidak mahu dikenali turut bersyukur dengan pemberian insentif perkhidmatan ini.

"Syukurlah, lagipun duit (insentif perkhidmatan) ini dapatlah digunakan untuk menyelenggara bas sekolah....sesi persekolahan baru pun tak lama lagi dah," katanya yang hadir bersama-sama isteri.

Samsury penerima Anugerah Khas Tokoh Maulidur Rasul 1438H

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
 Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

GEORGE TOWN - Bekas Ahli Parlimen (MP) kawasan Balik Pulau selama tiga penggal pada 1970-an, Datuk Seri Samsury @ Shamsuri Muhamad Saleh, 79, dipilih sebagai penerima Anugerah Khas Tokoh Maulidur Rasul 1438 Hijrah bersamaan 2016 Masihi Peringkat Negeri Pulau Pinang.

Beliau yang ditemui pada Majlis Himpunan Ummah sempena Maulidur Rasul di sini menyifatkan anugerah yang diterima sebagai penghargaan Kerajaan Negeri terhadap sumbangannya dalam pembangunan agama Islam di Pulau Pinang.

"Alhamdulillah, saya amat bersyukur atas penganugerahan ini dan tidak lupa kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, terima kasih," ujarnya yang ditemani isteri, Datin Seri Jamaliah Rapiee, 73.

Dilahirkan di Bayan Lepas pada 13 Oktober 1937, beliau pernah menjadi wakil Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di New York, Amerika Syarikat pada tahun 1976 dengan membawa suara Malaysia berhubung dasar apartied.

Bapa kepada sembilan cahaya mata tersebut juga masih lagi aktif dalam pengurusan sekolah Maahad Al-Mashoor Al-Islami yang terletak di Simpang Empat, Balik Pulau.

Ekoran pengiktirafan tersebut, Samsury menerima wang tunai bernilai RM6,000 beserta trofi, sijil pengiktirafan dan medal yang



SAMSURY @ Shamsuri Muhamad Saleh (berbaju Melayu ungu) diapit oleh ahli-ahli keluarga beliau selepas menerima Anugerah Khas Tokoh Maulidur Rasul 2016 Peringkat Negeri Pulau Pinang.

disampaikan oleh Tuan Yang Terutama (TYT) Di-Pertua Negeri Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Turut hadir, isteri TYT, Toh Puan Majimor Shariff; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan isteri; Exco Hal Ehwal Agama, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dan isteri; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan isteri serta dif-dif kenamaan negeri.

Pada majlis itu, Abdul Rahman turut menyampaikan anugerah kepada empat penerima lain iaitu Pensyarah Kanan di Universiti Putra Malaysia (UPM) yang merupakan anak jati Pulau Pinang, Mohd. Sukki Othman, 42 (Anugerah Qudwatur Rasul, Shabab); Yusuff Ahmad, 60 (Anugerah Qudwatur Rasul, Kemasyarakatan); guru di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Balik Pulau, Mohd. Faizal Fadzil, 32 (Anugerah Qudwatur Rasul, Inovasi

dan guru agama di Madrasah al-Diniah Al-Islami, Jau Zaharah Shaari, 66 (Anugerah Qudwatur Rasul, Pendidikan).

Mereka masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai RM3,500 beserta sijil penghargaan dan trofi.

Bertemakan 'Al-Islam Rahmatun Lil 'Alamin' adalah bertepatan dengan usaha Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang dalam memartabatkan kegemilangan agama Islam di negeri ini, di samping menyatupadukan rakyat pelbagai latar belakang dalam suasana sejahtera dan harmoni.

Hampir 3,000 orang mengimarakkan sambutan Maulidur Rasul tahun ini dengan kehadiran 49 kontinen perarakan yang terdiri daripada 2,352 ahli kontingen.

Tenaga Nasional Berhad (TNB), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Kompleks



DR. Abdul Rahman Abbas (tengah) diiringi Abdul Malik Abul Kassim, Mohd. Rashid Hasnon dan Farizan Darus berjalan masuk Dewan Sri Pinang bagi meraikan sambutan Maulidur Rasul 1438 Hijrah bersamaan 2016 Masihi Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.



SEBAHAGIAN anggota perbarisan PDC.

Penjara Pulau Pinang dan Ibu Pejabat Kontinjen Pulau Pinang dinobatkan sebagai Kontinjen Terbaik dan membawa pulang wang tunai RM1,000, sijil serta trofi.

Serentak sambutan tahun ini, turut dilancarkan Pasukan Sukarelawan

Khidmat Komuniti (PSKK) Negeri Pulau Pinang, hasil inisiatif Kerajaan Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam memberi sumbangan tenaga dan bimbingan kepada komuniti yang memerlukan di negeri ini.

Generasi dunia perlu mengingati pengorbanan wira-wira perang – KM

Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

PENGHORMATAN...

Kira-kira 150 individu terdiri daripada pelbagai pasukan tentera dan unit-unit pertahanan tempatan serta asing berkumpul di Tugu Peringatan, *The Cenotaph*, Jalan Padang Kota Lama untuk memperingati wira-wira yang gugur di medan perang.

Bagi meneruskan tradisi yang dimulakan 15 tahun lalu, kalungan bunga yang melambangkan pengorbanan wira-wira perang diletakkan di *The Cenotaph* oleh wakil-wakil pasukan tentera dan unit-unit pertahanan tempatan serta asing. Antaranya, dari Malaysia, United Kingdom, Australia, Fiji, Singapura, Rhodesia, India, New Zealand, Nepal dan Kanada.

Sebelum itu, sesi bertafakur selama dua minit dilangsungkan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya berkata, generasi



ANTARA wakil-wakil pasukan tentera dan unit-unit pertahanan tempatan serta asing yang hadir memberi penghormatan.

dunia pada masa ini perlu mengingati pengorbanan wira-wira perang dalam mencapai kedaulatan dan kemerdekaan sesebuah negara.

"Jasa dan pengorbanan wira-wira yang gugur di medan perang perlu diingati. Begitu juga, jasa dan pengorbanan veteran-veteran perang yang bukan sahaja

telah menentukan perjalanan generasi kini, malah generasi akan datang untuk terus hidup dalam negara berdaulat.

"(Dan) peperangan tidak sepatutnya terjadi dan kita tidak seharusnya memulakannya dalam apa jua keadaan," ujarnya.

Hari Peringatan wira-wira perang



KETUA MENTERI tunduk sebagai tanda hormat pada majlis memperingati wira-wira yang gugur di medan perang di *The Cenotaph* di sini.

dianjurkan oleh Persatuan Veteran Keselamatan (PVK) Pulau Pinang pada bulan November setiap tahun bagi memperingati wira-wira perang yang gugur dalam Perang Dunia Pertama, Perang Dunia Kedua, Zaman Darurat, Konfrontasi Indonesia dan Zaman Pemberontakan.

Imam Besar Masjid Al-Aqsa puji KN martabatkan Islam, adil untuk semua

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

GEORGE TOWN - Imam Besar Masjid Al-Aqsa di Baitulmuqaddis, Ali Omar Yacoub Abbasi baru-baru ini mengadakan kunjungan rasmi terhadap Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di pejabatnya di sini.

Beliau yang lebih dikenali dengan gelaran Sheikh Ali Al-Abbas meluangkan masa hampir 30 minit dan sempat bertukar-tukar pelbagai perspektif bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, malah turut memuji usaha pihak berkaitan dalam memartabatkan agama Islam serta berlaku adil terhadap semua rakyat di negeri ini tanpa mengira bangsa dan agama.

Pada perbincangan tertutup tersebut, Guan Eng turut menyatakan sokongan penuh Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap rakyat negara Palestin untuk terus berjuang menentang kezaliman Israel.

"Kerajaan Negeri mengalu-alukan kehadiran beliau ke Pulau Pinang. Beliau merupakan seorang yang berani."

"Kita mendoakan keselamatan beliau ketika berada di Jerusalem (Baitulmuqaddis)... dan seperti yang dunia ketahui bahawa Jerusalem diduduki oleh orang Israel (Yahudi) dan kita tidak tahu apa akan terjadi pada masa hadapan," ujarnya.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim turut hadir menyambut delegasi berkenaan.

Menurut Guan Eng, Sheikh Ali Al-Abbas turut menyatakan bahawa beliau dapat melihat rakyat Pulau Pinang hidup dalam keadaan aman dan memberi sokongan penuh kepada Kerajaan Negeri kini.

Sebelum itu, Sheikh Ali Al-Abbas turut mengadakan kunjungan ke pejabat Abdul Malik dan mengimamkan solat jemaah di Masjid Kapitan Keling bersama-sama penduduk tempatan.



KETUA Menteri dan Sheikh Ali Al-Abbas sambil diperhatikan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bertukar-tukar cenderamata pada kunjungan rasmi di sini baru-baru ini.

KM lawat mangsa-mangsa tembakan rambang

LAWAT MANGSA-MANGSA TEMBAKAN... Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ke Hospital Pulau Pinang (HPP) di sini bagi melawat semua mangsa tembakan rambang baru-baru ini.

Guan Eng yang diiringi Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr. M. Sukumar turut melawat jurukamera sambilan RTM, Mohamad Amirul Amin Mohamed Amer, 27, yang cedera terkena tembakan rambang di bahagian bahu sebelah kiri dalam kejadian yang berlaku di susur keluar Jambatan Pulau Pinang dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu pada 1 Disember lalu.

Dalam lawatan tersebut, Guan Eng turut bertemu ibu kepada Mohamad Amirul Amin, Bunisa Mohd. Ali, 58, dan waris-waris terdekat mangsa-mangsa lain.

"Saya hadir



BUNISA Mohd. Ali.

Kecualikan cukai pintu, elaan JKKK naik, bukti KN bersih berkebajikan

GEORGE TOWN – Bermula 2017, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang melaksanakan pengecualian cukai pintu kepada semua penghuni rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan rumah kampung/bertanah di negeri ini.

Serentak itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng turut mengumumkan potongan cukai pintu 6 peratus untuk semua hartaan lain termasuk hartanah komersil.

Menurutnya, pengecualian cukai pintu sekaligus menjadikan jumlah keseluruhan yang dapat dimanfaatkan oleh pemilik rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan rumah kampung adalah sebanyak RM14,093,705.78, yang mana cukai pintu sepatutnya dipungut pada 2017 oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) ialah RM8,058,628.78 dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), RM6,035,077.00.

"Selain pengecualian cukai yang diberikan sebanyak RM14,093,705.78 ini, Kerajaan Negeri juga terpaksa menanggung bebanan GST (Cukai Barang & Perkhidmatan) yang

dianggarkan berjumlah RM46.2 juta setahun.

"Kerajaan Negeri juga telah mengarahan MBPP dan MPSP untuk menanggung beban GST untuk tahun 2016 sebanyak RM19.36 juta yang tidak akan dibayar oleh rakyat, tetapi ditanggung sendiri oleh MBPP dan MPSP. Ini juga akan diteruskan untuk tahun 2017. Ini bermakna rakyat Pulau Pinang akan mendapat penjimatan sebanyak RM19.36 juta daripada pembayaran GST," katanya dalam kenyataan di sini baru-baru ini.

Bagi potongan 6 peratus, Guan Eng memberitahu bahawa inisiatif tersebut bakal memberikan penjimatan kepada pemilik di kawasan MBPP sebanyak RM11,829,732.70 dan MPSP sebanyak RM9,907,892.00.

"Potongan 6 peratus cukai pintu ini akan menyebabkan beban kewangan sebanyak RM21.74 juta kepada MBPP dan MPSP," jelasnya.

Secara keseluruhan, tambahnya, pendekatan oleh Kerajaan Negeri dan PBT mampu menjimatkan 1.7 juta rakyat Pulau Pinang sebanyak RM55.19 juta bagi tahun

2017. (Rujuk Lampiran A).

Sementara itu, sebagai galakan untuk mempertingkatkan prestasi Pengurus dan Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK), Guan Eng mengumumkan kenaikan elaan bulanan sebanyak RM50 daripada RM650 kepada RM700 untuk Pengurus, manakala, RM550 kepada RM600 untuk Setiausaha.

"Peningkatan jumlah elaan tersebut bakal menambahkan kos keseluruhan sebanyak RM358,800.00 kepada RM6,857,200.00 setahun," jelasnya.

Mengulas lanjut, tambah Guan Eng bagi ahli JKKK biasa, elaan mesyuarat akan ditambah RM10 daripada RM40 sebulan kepada RM50 sebulan dengan membabitkan kos RM38,870.00 kepada RM466,440.00 setahun.

"Malah, untuk memperkasakan JKKK, Kerajaan Negeri turut memutuskan syarat penglibatan sekurang-kurangnya seorang wanita dalam setiap JKKK.

"Kerajaan Negeri berharap peningkatan kadar elaan bulanan ini akan menjadi pembakar semangat kepada JKKK untuk terus memberi khidmat yang cemerlang kepada rakyat," seru beliau.

LAMPIRANA.

*Pentadbiran CAT & Kepimpinan Bersih Membolehkan 1.7 Juta Rakyat Pulau Pinang Jimat RM55.19 Juta Untuk 2017.

	RM Juta
i) Pengecualian Cukai Pintu Untuk Pemilik Rumah Kos Rendah, Sederhana Rendah Dan Rumah Kampung	14.09
ii) Pengecualian Bayaran GST Untuk Perkhidmatan MBPP Dan MPSP	19.36
iii) Potongan Cukai Pintu 6%	21.74
	55.19

Projek pemuliharaan pantai & pemberian kualiti air laut di Bt. Feringghi siap Disember 2016

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

TANJUNG BUNGA — Projek pemuliharaan pantai dan pemberian kualiti air laut di pantai Batu Feringghi dekat sini yang menelan kos RM10,850,000 dijangka siap sepenuhnya pada penghujung Disember 2016.

Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Timur Laut, Haslinda Mohd. Hamran berkata, projek tersebut adalah bertujuan mengatasi masalah penutupan muara dan pencemaran yang berlaku di sini termasuk membendung berlakunya hakisan pantai yang berterusan.

"Projek ini melibatkan kerja-kerja penambakan pantai dengan pembinaan 'berm' (saluran tanggaan) pantai berkelebaran 30 meter daripada garisan pantai semasa dan panjang mencecah 800 meter dengan aras ketinggiannya pada +2.8 meter LSD (*least significant digit*)

"Selain itu, ia juga melibatkan pembinaan jajaran semula struktur saluran keluar sistem saliran ke laut dari muara Sungai Satu dan Sungai Batu Feringghi sejauh 120 meter panjang," katanya ketika menyampaikan taklimat perkembangan terkini projek berkaitan kepada Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow



CHOW Kon Yeow (depan sekali) sambil diperhatikan Haslinda Mohd. Hamran (bertudung biru) meneliti pelan projek pada sesi lawatannya di sini baru-baru ini.

di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari; Pengarah JPS Negeri Pulau Pinang, Ir. Sabri Abdul Mulok dan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Syerleena Abdul Rashid.

Dalam lawatan tersebut, Kon Yeow turut dibawa melihat perkembangan projek pembinaan struktur 'wetland' di Sungai Satu yang kini mencapai 99 peratus kemajuan kerja.

Menurut penyelaras projek 'wetland', Prof.

Madya Nik Fuaad Nik Abdullah dari Universiti Sains Malaysia (USM), salah satu objektif pembinaan 'wetland' berkenaan adalah bagi memulihara dan meningkatkan kualiti air sungai dari kelas IV ke kelas II yang sesuai digunakan untuk prasarana rekreasi air.

"Kelas IV ini adalah kelas terendah dalam klasifikasi mutu air, yang tidak boleh digunakan untuk aktiviti rekreasi, manakala kelas I merupakan kelas air bersih yang boleh diminum."

"Oleh itu, diharapkan melalui projek ini menggunakan teknologi 'bio-media' dapat memuliharkan kualiti air sungai di sini," ujarnya.

Dalam pada itu, Kon Yeow yang ditemui di tapak lawatan memberitahu, projek 'wetland' merupakan kesinambungan dari isu pencemaran sungai yang berlaku dua tahun lepas.

"Memandangkan isu pencemaran di Sungai Batu Feringghi hampir selesai dengan berjalannya dua projek iaitu projek menaik taraf loji kumbahan oleh SPAN (Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara) serta projek penambakan pasir pantai dan pembinaan jajaran semula struktur keluar sistem saliran oleh JPS, maka inisiatif Kerajaan Negeri seterusnya adalah bagi memulihara dan meningkatkan kualiti air di Sungai Satu dekat



BINAAN 'berm' atau saluran tanggaan pantai yang mencecah 800 meter panjang dan 30 meter lebar ini mampu menangani masalah hakisan pantai di Batu Feringghi.

sini.

"Projek ini bernilai RM2,107,000 yang merangkumi pembinaan dua 'wetland', penanaman tumbuh-tumbuhan, pembinaan struktur 'bio-drain' serta komponen mekanikal dan teknikal seperti pemasangan dan pengoperasian pam serta 'blower' bagi mengitar semula air di Sungai Satu," jelasnya yang turut mengalukan inisiatif Kerajaan Persekutuan dalam usaha memuliharkan sungai dan pantai di Batu Feringghi di sini.

FAP terima tajaan KN RM4 juta, sebarang tambahan bergantung kepada prestasi semasa – KM



KETUA MENTERI sambil ditemani barisan Exco Kerajaan Negeri menyampaikan replika cek kepada Zairil Khir Johari (kiri sekali) pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

TAJAAN... Kerajaan Negeri pada 30 November lalu menyampaikan tajaan bernilai RM4 juta kepada skuad bola sepak Pulau Pinang bagi musim hadapan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, jumlah tajaan itu adalah berdasarkan

prestasi semasa Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP).

"Kerajaan Negeri akan terus menaja FAP (bagi musim akan datang) dan sebarang tambahan peruntukan tajaan adalah bergantung kepada prestasi semasa FAP nanti.

"Hari ini, kita (Kerajaan Negeri) hanya menyerahkan sebahagian (RM4 juta) daripada RM8 juta tajaan yang diluluskan," ujarnya sebelum menyerahkan replika cek kepada Pengurus FAP baru dilantik, Zairil Khir Johari.

Labuh 42 tukun tiruan bakal manfaat lebih 1,000 nelayan pesisir pantai - Exco

Teks & Gambar :
WATAWA NATAF
ZULKIFLI

BAYAN LEPAS —

Sejumlah 42 unit tukun tiruan yang dilabuhkan di sekitar perairan Pulau Kendi di sini dijangka akan memberi manfaat kepada lebih 1,000 nelayan pesisir pantai di sekitar kawasan Teluk Kumbar, Gertak Sanggul dan sebahagian Balik Pulau.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, projek tersebut merupakan sebahagian daripada RM600,000 yang diperuntukan Kerajaan Negeri untuk projek-projek berkaitan sektor perikanan di negeri ini.

"Projek penanaman tukun ini adalah langkah untuk menambah dan membiakkan populasi ikan di sini."

"Sejurus dilabuhkan ke dasar laut dengan kedalaman kira-kira 40 kaki, ia akan dipantau selama enam bulan oleh pihak SIRIM (Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia)," jelasnya ketika melakukan tinjauan Projek Inovasi Tukun Kerajaan Negeri 2016 berhampiran Pulau Kendi di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung,



DR. Afif Bahardin (dua dari kanan) bersama Abdul Malik Abul Kassim (empat dari kiri) dan Mohd. Azhar Ahmad (kanan sekali) ketika melakukan tinjauan projek melabuhkan tukun tiruan di sekitar perairan Pulau Kendi di sini baru-baru ini bersempena Projek Inovasi Tukun Kerajaan Negeri 2016.

Dato' Abdul Malik Abul Kassim.

Turut serta, Pegawai Daerah Barat Daya, Ederis Mat Din, Mohd. Azhar Ahmad (Pengarah SIRIM Wilayah Utara), Azril Mahathir Aziz (Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri, PPK Bayan Lepas) dan Mohd. Tuah Ismail (PPK Pulau Betong).

Difahamkan, tukun tiruan jenis sama turut diletakkan di perairan Pulau Aman.

Dalam perkembangan berkaitan, Mohd. Azhar menyatakan bahawa terdapat tiga jenis tukun tiruan yang digunakan iaitu isfad, trifad dan tetrafad.

"Keberkesanan tukun-tukun tiruan jenis ini, iaitu konkrit seramik ringan telah terbukti apabila negeri Johor dan Sabah turut menggunakan jenis yang sama," jelasnya.

Guan Eng kesal PM tolak hasrat Menteri perbesar PIA, harap lihat sudut kepentingan nasional

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng melahirkan rasa kecewa kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak masih menolak permohonan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berhubung pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA).

Berdasarkan laporan statistik semasa, Guan Eng mem memberitahu, pengunjung PIA pada hujung tahun ini dijangka melebihi 6.6 juta, iaitu melebihi 6.5 juta kapasiti maksimum lapangan

terbang tersebut (PIA) pada tahun 2020.

"Lapangan terbang yang melebihi kapasiti, dia (Kerajaan Pusat) tidak mahu perbesarkan, lapangan terbang lain yang tidak melebihi kapasiti pengunjung, dia pula memperbesarkan."

"Ini adalah satu tindakan diskriminasi ke atas Pulau Pinang, dan Kementerian Pengangkutan pun akui mereka ada cadangan untuk memperbesarkan lapangan terbang sampai mencapai kapasiti maksimum 10 juta penumpang, tapi ditolak," jelasnya kepada pemberita, sambil

enggan menyebut lapangan terbang lain yang dimaksudkannya itu pada sidang media bertarikh 29 November lalu.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan berkata demikian ketika mengulas laporan berita atas talian, *The Malaysian Reserve* berjudul *Penang Airport Expansion Not In Near Future* pada 22 November lalu.

Mengulas lanjut, Guan Eng turut mempertikai tindakan pentadbiran Najib yang dikatakan meluluskan peruntukan untuk lapangan terbang lain yang masih tidak mencapai kapasiti maksimum penumpang, tetapi pada masa sama berdalih

Kerajaan Pusat tiada dana untuk memperbesarkan PIA.

Difahamkan, jumlah pengunjung PIA pada tahun 2015 adalah melebihi 6.2 juta, dan dijangka meningkat hampir 6 peratus, menjadi 6.6 juta pada 31 Disember tahun ini, jika berdasarkan Laporan statistik yang dikeluarkan Malaysian Airports Berhad (MAB) pada 8 November lalu.

Malah, laporan statistik MAB pada 8 November lalu turut mendedahkan, jumlah pengunjung dalam tempoh bulan Januari hingga September tahun ini meningkat 5.87 peratus menjadi 4,916,069 orang, berbanding tempoh sama

tahun 2015 (4,643,507).

Terdahulu, *The Malaysian Reserve* antara lain melaporkan, kementeriannya memang ada memohon peruntukan projek pembesaran PIA untuk Pusingan Kedua (*Second Rolling Plan*) di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Jabatan Perdana Menteri (JPM), namun ditolak.

Laporan berita atas talian itu turut memberitahu, Tiong Lai menjelaskan cabaran kewangan yang dihadapi oleh Kerajaan Pusat antara sebab projek pembesaran PIA ditangguhkan.

Penyertaan awam bagi Laporan Tinjauan RSNPP 2020 (Kajian Semula) buka ruang untuk umum kemukakan pandangan

GEORGE TOWN - Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) Negeri Pulau Pinang yang mewakili Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengadakan program publisiti dan penyertaan awam bagi Laporan Tinjauan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2020 (Kajian Semula).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menjelaskan bahawa program publisiti dan penyertaan awam tersebut adalah melibatkan penilaian dan kajian semula terhadap dasar-dasar yang telah dikenal pasti dalam RSNPP 2020 dan disyorkan dipinda berdasarkan kepada arahan-arahan dari Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN), aduan-aduan orang awam dan maklumbalas-maklumbalas daripada agensi teknikal.

"Program publisiti dan penyertaan awam ini diadakan selaras dengan peruntukan Seksyen 9, Akta 172 bagi membolehkan semua pihak termasuk orang awam, pemaju, badan-badan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan, persatuan dan pelajar di seluruh Negeri Pulau Pinang terlibat sama dalam proses perancangan dan membuat keputusan 'decision making' dalam perancangan Draf Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 kelak," ujarnya pada sidang media di sini 30 November lalu.

Turut hadir, Timbalan

Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo; Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng.

Hadir sama, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi Komtar (Teh Lai Heng), Sungai Pinang (Lim Siew Khim) dan Pulau Tikus (Yap Soo Huey) serta Pengarah JPBD, Datuk Mohd. Anuar Maidin dan Timbalannya, Abd. Talip Abd. Rahman.

Dalam pada itu, Mohd. Anuar ketika ditemui berharap agar orang ramai dapat menyertai program publisiti dan penyertaan awam ini.

"Hasil daripada tinjauan ini kelak kami (JPBD) akan membuat satu draf dan selepas itu akan ada lagi satu proses pendengaran awam dan bantahan yang dijangka akan diadakan antara empat hingga lapan minggu selepas tarikh akhir Laporan Tinjauan ini.

"Selain hadir ke lokasi yang telah ditetapkan, orang ramai juga boleh mengakses Laporan Tinjauan ini melalui laman sesawang JPBD (<http://jpbd.penang.gov.my/>)," ujarnya.

Program publisiti dan penyertaan awam Laporan Tinjauan RSNPP 2020 akan diadakan selama lapan (8) minggu bermula dari 1 Disember 2016 sehingga 31 Januari 2017.

Ruang pameran program publisiti ini dan bagi borang maklum balas awam boleh diperoleh di tiga (3) lokasi di Negeri Pulau Pinang iaitu :

Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang
Ruang Menunggu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang,
Tingkat 3, Komtar,
10000 Pulau Pinang.

Majlis Bandaraya Pulau Pinang
Dewan Bandaran MBPP,
Jalan Tun Syed Sheh Barakbah,
10200 Pulau Pinang.

Majlis Perbandaran Seberang Perai
Ruang Legar MPSP,
Jalan Perda Utama,
Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang.

Ruang Pameran bagi tiga (3) lokasi tersebut akan dibuka dari jam 9 pagi sehingga 4.30 petang pada hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

Untuk maklumat selanjutnya, sila hubungi talian 04 - 650 5560 / 5672 / 5444 / 5428.

Lulus Enakmen Penternakan Babi 2016 selaras dasar Pusat – Exco

PULAU BETONG - Enakmen Penternakan Babi 2016 yang diluluskan dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang baru-baru ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan Persekutuan.

Mengulas lanjut, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, enakmen baharu berkenaan diharap dapat mencegah pencemaran bau dan air, terutama di kawasan Kampung Selamat dekat daerah Seberang Perai Utara (SPU) dan Kampung Valdor dekat daerah Seberang Perai Selatan (SPS).

"Para penternak babi masih lagi menjalankan aktiviti penternakan secara tradisional sedangkan pada masa kini Kerajaan menyarankan semua penternakan tradisional bertukar pada penternakan moden dan berteknologi.

"Enakmen Penternakan Babi 2016 diperkenalkan bagi mengawal selia dan memastikan industri ini berkembang dengan sihat serta lestari untuk masa depan generasi akan datang.

"Pengenalan enakmen ini adalah bertepatan pada waktunya memandangkan kita lahir (Pulau Pinang) merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang masih belum mewartakan enakmen ini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya di Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya di sini baru-baru ini.

Menurut Afif, penguatkuasaan berwajib di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976, Undang-Undang Kecil Bayaran

Lesen Majlis Perbandaran Seberang Perai 1980 dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang 1991 sebelum ini seakan kurang berkesan dalam mengawal penyebaran penyakit dan pencemaran alam sekitar.

"Justeru, pengenalan enakmen baharu ini diharap industri penternakan babi akan terus menyumbang kepada ekonomi serta food security di negeri ini.

"Sehingga tahun 2015, difahamkan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) merekodkan sebanyak 195 ladang berlesen merangkumi 189 penternak, dengan jumlah ternakan sebanyak 294,429 ekor," ujarnya.

Terdahulu, Kabinet Kerajaan Persekutuan pada 17 September 2014 memutuskan pelaksanaan sistem *Modern Pig Farming (MPF)* di semua ladang babi di Malaysia.

Menurut ketetapan Kabinet, kriteria utama MPF adalah meliputi empat perkara, iaitu kandang babi tertutup (*close house*); sistem pengurusan sisikumbahan ladang *zero discharge*; mempunyai zon penampang dengan jarak minimum 200 meter dari kawasan rumah kediaman, sekolah, klinik, tempat ibadat, taman rekreasi, pasar dan tempat makan awam; serta mengamalkan Amalan Ladang Ternakan Yang Baik (GAHP).

Enakmen Penternakan Babi 2016 yang diluluskan di DUN Pulau Pinang baru-baru ini adalah selaras dengan keputusan Kabinet Kerajaan Pusat.

Tender terbuka, parkir awam percuma PBAPP siap awal demi kemudahan pengunjung

TELUK BAHANG - Pembukaan parkir awam berdekatan Empangan Teluk Bahang mencerminkan komitmen tidak berbelah bahagi Kerajaan Negeri dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dalam menyediakan kemudahan yang mendokong perkembangan industri eko-pelancongan di negeri ini.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata, penyediaan parkir awam di atas tanah seluas 4,500 meter persegi tersebut adalah bagi memberi kemudahan kepada para pengunjung, terutamanya yang ingin ke Entopia, Escape dan Empangan Teluk Bahang untuk menikmati keindahan alam semulajadi.

"Parkir awam ini diharap dapat memudahkan pengunjung untuk menikmati dan berinteraksi dengan alam semulajadi yang terdapat di sini."

"(Dan) yang mustahak adalah parkir ini dibuka untuk kemudahan orang awam dari 7 pagi hingga 7 malam secara percuma," ucapnya pada Majlis Perasmian Parkir Awam Empangan Teluk Bahang di sini baru-baru ini.

Majlis tersebut disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng. Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri.



KETUA MENTERI, Mohd. Rashid Hasnon (barisan depan, kanan sekali) dan Ir. Jaseni Maidinsa (barisan depan, tengah) pada Majlis Perasmian Parkir Awam Empangan Teluk Bahang di sini baru-baru ini.

Guan Eng dalam ucapannya menzahirkan ucapan tahniah kepada PBAPP kerana begitu komited menyiapkan parkir awam dalam tempoh tujuh minggu.

"Kita (Kerajaan Negeri) membuat panggilan tender terbuka pada 5 September lalu dan kerja-kerja dimulakan pada 1 Oktober lalu.

"Projek ini dijangka siap pada 9 Disember, tetapi dapat disempurnakan lebih awal, iaitu pada 25 November lalu...inilah kelebihan tender terbuka, dapat menyiapkan projek awam mengikut jadual," ujarnya yang yakin dengan perkembangan industri eko-pelancongan di kawasan ini.

Tambah Guan Eng, pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memelihara hutan simpan kekal di negeri ini menjadikannya sebagai salah satu tarikan eko-pelancongan di negeri ini.

"Kita (Kerajaan Negeri) juga hutan kita dan kita tanam baru 271,000 pokok tahun lalu (2015) dalam memastikan Pulau Pinang kekal sebagai sebuah negeri hijau."

"Apabila industri eko-pelancongan negeri berkembang dan berdaya maju, maka rakyat Pulau Pinang khususnya penduduk setempat, dapat menikmati peluang pekerjaan yang wujud di samping menikmati keindahan alam semulajadi di sini," jelasnya.

Parkir awam Empangan Teluk Bahang yang menelan kos RM478,000 berkenaan menyediakan 67 lot parkir iaitu 20 lot untuk bas, 32 lot (kereta) dan 15 lot (motosikal).

Pertambahan luas kawasan pertanian simbol sektor IAT berdaya saing

PULAU BETONG - Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, pertambahan kawasan pertanian di bahagian pulau menunjukkan bahawa sektor industri asas tani (IAT) di negeri ini masih signifikan serta berdaya saing untuk diceburi oleh mereka yang berminat.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Hari Ladang dan Kempen Pendaftaran Petani Tahun 2016 Peringkat Daerah Barat Daya (DBD) dan Daerah Timur Laut (DTL) di sini baru-baru ini.

"Walaupun terdapat sedikit peningkatan kluasan kawasan pertanian, ini menunjukkan bahawa sektor pertanian masih lagi signifikan dan berdaya maju (*viable*) untuk diceburi oleh sesiapa sahaja yang berminat," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Hadir sama, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail, Halil Sabri Hamid (PPK Teluk Bahang), Azhar Ibrahim (Pegarah Pertanian Negeri), Ederis Mat Din (Pegawai Daerah DBD) dan beberapa pemimpin utama Kerajaan Negeri lain.

Menurut Afif, sehingga November lalu, kawasan pertanian DBD adalah seluas 1,125 hektar berbanding 2015 (1,102.4 hektar), manakala bagi DTL adalah seluas 369.85 hektar berbanding 331.77 hektar pada tahun lalu.

"Di pihak Jabatan Pertanian Negeri sendiri, pelbagai bentuk khidmat nasihat dan bimbingan serta insentif disediakan bagi membantu usahawan-usahawan tani yang berminat menceburi bidang pertanian atau industri asas tani," jelasnya.

Sebagai galakan, Afif memberitahu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri memberi insentif RM500 kepada ladang yang mencapai piawaian pensijilan Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP) atau Skim Pensijilan Organik



DR. AFIF BAHARDIN (lima dari kiri) merakamkan gambar dengan para penerima insentif pada Program Hari Ladang dan Kempen Pendaftaran Petani Tahun 2016 Peringkat Pejabat DBD dan DTL di sini baru-baru ini.

Malaysia (MyOrganic).

"Bagi tahun 2016, sebanyak 15 ladang mendapat insentif MyGAP dan insentif MyOrganic (2) di Daerah Barat Daya (DBD) dan Timur Laut (DTL), dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM8,500," ujarnya.

Tambah beliau, insentif khas berjumlah RM500 turut akan diberikan kepada penanam durian Balik Pulau di DBD sahaja, susulan pelaksanaan Pendaftaran Petunjuk Geografi Durian Balik Pulau oleh Jabatan Pertanian Negeri dengan kerjasama Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) ke arah mengukuhkan pemasaran produk identiti (*signature product*) negeri ini.

"Seramai lapan penanam durian di Daerah Barat Daya (DBD) akan mendapat Sijil Kebenaran Khas Penggunaan Petunjuk Geografi (GI) Durian Balik Pulau," kata beliau.

Difahamkan, Jabatan Pertanian Negeri pada tahun ini memperuntukkan RM3.13 juta untuk tujuan memberi latihan serta agihan projek pertanian dan industri asas tani rakyat.

Daripada peruntukan yang diluluskan itu, sejumlah RM578.110 untuk DBD dan DTL, berbanding tahun sebelumnya sebanyak RM439,711.

KN komited imbangi pembangunan fizikal & alam sekitar

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

BERTAM - Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo menyeru syarikat-syarikat pemaju swasta supaya dapat bersama-sama Kerajaan Negeri menghijaukan negeri ini melalui inisiatif *Make A Pledge Plant A Tree*.

Seruan itu dibuat pada Majlis Pelancaran Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2016 Peringkat Negeri Pulau Pinang bertempat di Vision Park, dekat Kepala Batas, Seberang Perai Utara (SPU) di sini baru-baru ini.

Menurut Jagdeep, bagi merealisasikan hasrat tersebut, kerjasama antara sektor swasta, masyarakat setempat dan kerajaan adalah amat diperlukan.

"Bagi menjadikan Pulau Pinang negeri nombor satu, kita harus menjadi nombor satu dalam inisiatif hijau, sekaligus menobatkan cogan kata Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat sebagai realiti," ujarnya pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Dato' Seri Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri), Dato' Mohd. Anuar Maidin (Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri, JPBD) dan Sr. Rozali Mohamud (Setiausaha Perbandaran bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP). Turut serta, wakil-wakil dari syarikat pemaju swasta tempatan.

Pada majlis berkenaan, sebanyak 400 pokok pelbagai spesies yang disumbangkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang (JPNP) ditanam.

Tambah Jagdeep, **Kerajaan Negeri sentiasa komited mengimbangi pembangunan fizikal dengan keperluan semasa dalam mengekalkan dan memulihara alam sekitar di negeri ini.**

"Kerajaan Negeri melalui pelbagai agensinya secara berterusan mengadakan program-program penanaman pokok bagi mengkekalkan kehijauan demi memberi suasana selesa dalam bandar.

"Ini sekaligus mematahkan tohmannan oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab yang mendakwa bahawa Kerajaan Negeri membenarkan pencerobohan hutan simpan kekal di negeri ini," tegasnya.

Dari tahun 2008 sehingga September 2016, sebanyak 250,726 pokok telah ditanam oleh pelbagai agensi Kerajaan Negeri seperti JPNP, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), MPSP dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di negeri ini.



JAGDEEP Singh Deo (empat dari kiri) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar bersama-sama wakil pemaju swasta selepas menyempurnakan gimik Majlis Pelancaran Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2016 di sini baru-baru ini.

Dua sahabat selamat mangsa lemas terima penghargaan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

GEORGE TOWN – Dua sahabat yang merupakan kaki pancing menerima penghargaan daripada Kerajaan Negeri berikutan tindakan berani mereka menyelamatkan seorang lelaki yang diperdayai terjun dari Jambatan Pulau Pinang dan hampir lemas pada 13 November lalu.

Mohd. Razis Othman, 28, dan P. Jaya Kumar, 26, masing-masing menerima sumbangan wang tunai bernilai RM500 beserta sijil penghargaan yang disampaikan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di Komtar baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo dan Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng.

Menceritakan detik cemas, Mohd.

Razis berkata, pada 13 November lalu sekitar pukul 1 tengah hari, dia dan sahabatnya yang sedang memancing di bawah Jambatan Pulau Pinang terkejut apabila terdengar kocakan air yang kuat.

“Mulanya kami sangka ikan besar, saya pun rasa seronoklah, tetapi selepas mendengar jeritan pemancing lain berdekatan sambil menunjuk ke arah kocakan besar, baru saya sedar rupanya ada seorang lelaki yang sedang terkapsi-kapsi.

“Terus Jaya Kumar menghidupkan enjin bot dan menuju ke arah mangsa... mujur kami sempat capai tangannya, kalau lambat sikit mesti lelaki terbabit tenggelam dan mungkin tidak dapat diselamatkan,” katanya kepada Buletin Mutiara baru-baru ini.

Tambah Mohd. Razis, peristiwa itu merupakan pengalaman pertama mereka sungguhpun sudah memancing di bawah Jambatan Pulau Pinang sejak zaman persekolahan lagi.

“Memang terkejut, belum pernah lagi kejadian sebegini berlaku,” jelasnya yang kemudian membawa mangsa ke Jeti Polis Marin Wilayah

Utara dekat Batu Uban untuk tindakan seterusnya.

Dalam pada itu, bagi Jaya Kumar melahirkan rasa gembira kerana berjaya menyelamatkan mangsa dari terus lemas dan hanyut.

“Memang panik, tapi kami tenang dan berusaha menyelamatkan mangsa.

“Kami tarik mangsa masuk ke dalam bot dan kami tengok perut mangsa sudah kembung, mujur kami sempat selamatkan mangsa, kalau tidak, tak tahu apa nasib mangsa.

“Peristiwa ini akan menjadi kenangan yang tidak mungkin dapat dilupakan,” ujarnya.

Jaya Kumar merupakan pekerja kilang manakala Mohd. Razis pula bekerja di sebuah syarikat swasta kawalan serangga perosak.

Kedua-dua mereka kerap meluangkan masa cuti hujung minggu dengan memancing di bawah Jambatan Pulau Pinang menggunakan bot gentian kaca milik bapa Mohd. Razis.

Sementara itu, Guan Eng ketika menyampaikan sumbangan



MOHD. RAZIS OTHMAN (dua dari kiri) dan P. JAYA KUMAR (tiga dari kiri) menerima sijil dan sumbangan penghargaan daripada Ketua Menteri pada sidang media khas di sini baru-baru ini. Turut hadir, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri.

penghargaan melahirkan rasa kagum atas keberanian kedua-dua ‘wira’ tersebut.

“Sebagai menghargai jasa dan keberanian dua sahabat ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat berbesar hati menyerahkan sumbangan wang tunai dan sijil sebagai penghargaan.

“Terima kasih kerana berani menyelamatkan mangsa yang hampir lemas,” ujar beliau.

Keberanian kedua-dua sahabat ini turut dilaporkan dalam akhbar arus perdana pada 14 November lalu.

Orang ramai yang ingin melaporkan sebarang kejadian kecemasan atau kemalangan di laut boleh menghubungi Pusat Operasi Maritim Pulau Pinang di talian 04-262 6146 atau hubungi Malaysian Emergency Response System (MERS) di talian 999.

GTF 2017, hantar proposal, bersama bangunkan idea persesembahan acara seni tradisional Melayu - Joe Sidek

GEORGE TOWN – Pengajur dan penggiat muzik tradisional Melayu dialu-alukan menghantar proposal acara untuk Festival George Town 2017 (GTF) sebelum 15 Januari tahun depan.

Kurator GTF, Joe Sidek berkata, pihaknya juga berhasrat untuk saling bekerjasama dengan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA) dan Universiti Sains Malaysia (USM) sendiri, demi mempopularkan lagi tradisi Melayu dalam pengajuran festival bertaraf antarabangsa tersebut yang bakal berlangsung selama hampir dua bulan mulai 28 Julai hingga 3 September 2017.

“Di sini, saya ingin merayu kepada pengaturcara dan artis tempatan untuk tampil ke hadapan dan berkongsi ide-idea mereka untuk perbincangan, persembahan dan acara-acara lain yang boleh menjadikan kita sebagai tuan rumah pada tahun hadapan,” jelasnya pada sidang media bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini pada 19 Disember lalu.

Menurut Joe Sidek, sejak 15 Oktober lalu, pihaknya memanggil

semua pihak menghantar proposal cadangan acara, melalui borang rasmi yang disediakan [www.georgetownfestival.com](http://georgetownfestival.com) atau berjumpa dengannya sendiri di pejabat dekat Lebuh Armenian di tengah-tengah Bandar Warisan Dunia UNESCO George Town.

Bersempena pengajuran siri kelapan GTF 2017, Joe Sidek memberitahu bahawa slot khas bagi memperkenalkan muzik tradisional Melayu adalah membabitkan tempoh lima minggu.

“Saya seru supaya penggiat seni tempatan terutamanya tradisional supaya menghantar proposal supaya kita boleh berkongsi idea dan berkejamaan. Malah, kepada

mereka yang inginkan pendapat dan bantuan berhubung idea serta proposal, sila berjumpa terus dengan saya,” ujarnya.

Sempena siri kelapan GTF 2017, Joe Sidek memberitahu bahawa pameran serta pertunjukkan antarabangsa meletakkan tumpuan pada ASEAN sempena meraikan ulang tahun ke-50 pada tahun 2017 pertubuhan gabungan antarabangsa tersebut.

“Festival George Town (GTF) merancang untuk menganjurkan forum reka bentuk dengan kerjasama Southeast Asia Creative Cities Network (SEACCN)... melibatkan perea kreatif, pembuat, penceramah dan pengamal reka kreatif dari Bandung, Cebu, Chiang Mai, Hanoi, Kuching dan George Town,” jelasnya sambil memberitahu bahawa GTF pada masa hadapan akan saling bekerjasama dengan pengasas London Design Festival.

Laksamana Region (LOTR), Weekend On Women (WOW) merupakan antara program menarik dalam GTF akan datang.

Pada tahun 2016, festival berkaitan mempunyai lebih 150 acara, termasuk 118 acara percuma untuk orang ramai.



JOE SIDEK.

Mudahkan agihan zakat, rapatkan jurang sosial umat - Timbalan YDP MAINPP

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

BERTAM – Zakat Pulau Pinang (ZPP) akan terus membantu Kerajaan Negeri merapatkan jurang sosial antara golongan kaya dan kurang mampu di Pulau Pinang, dengan memastikan sistem agihan dana zakat sampai kepada semua golongan asnaf berwajib.

Timbalan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Abdul Halim Hussain berkata demikian dalam Majlis Penyampaian Saguhati Guru Agama & Al-Quran 2016 baru-baru ini.

“Tiap-tiap kita mempunyai tanggungjawab pada umat Islam yang lain dari segi agama dan wang ringgit dunia.

“Maka, syariat zakat ini juga membawa maksud yang sama, mampu merapatkan jurang antara yang kaya dan (golongan asnaf seperti) miskin, fakir, amil (pengurus zakat), mualaf (saudara baru), *riqab* (seseorang yang terbelenggu tanpa kebebasan), *gharimin* (penghutang muslim),



ABDUL HALIM HUSSAIN (kiri sekali) sambil ditemani Mustafa Kamal Yusof (tengah) menyampaikan sumbangan saguhati kepada salah seorang penerima pada Majlis Penyampaian Saguhati Guru Agama & Al-Quran 2016 di sini baru-baru ini.

fisabilillah (orang yang berjuang kerana Allah) serta *ibnus sabil* (musafir),” ujarnya dalam majlis baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Besar ZPP, Azman Abdul Somat dan Ahli Lembaga Pengaruhnya, Datuk Mustafa Kamal Yusof.

Pada majlis itu, Abdul Halim memberitahu, seramai 1,807 Guru Al-Quran menerima wang saguhati sejumlah RM1,678,800 atau RM600 seorang.

“Sumbangan tersebut turut membabitkan 991 guru agama, dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM594,600,” jelasnya.

Harap P. Pinang terus jadi pilihan peniaga Melayu cari rezeki - Rashid

Oleh : WATAWA NATAF
ZULKIFLI
Gambar : DARWINA MOHD.
DAUD

PANTAI JEREJAK – Garis panduan operasi perniagaan makanan di atas trak atau *food truck* akan dimuktamadkan oleh kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri selewat-lewatnya pertengahan tahun hadapan.

Mengulas lanjut, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berharap Pulau Pinang akan terus menjadi negeri pilihan utama untuk golongan peniaga makanan khususnya daripada kalangan Melayu mencari rezeki halal.

"Saya juga berharap apabila garis panduan disiapkan, ianya adalah yang terbaik dan tidak bertindih dengan mana-mana undang-undang...takut nanti ada pula peniaga yang diambil tindakan," ujarnya yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat kepada pemberita pada penganjuran berkaitan di sini baru-baru ini.

Mohd. Rashid yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak berkata demikian selepas merasmikan Festival Food Truck 2016 di perkaranan sebuah pasar raya dekat Parlimen Bayan Baru di sini.

Pegawai Daerah Barat Daya, Ederis Mat Din, Jusni Ismail (Pegawai Daerah Timur Laut) serta dua Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Gan Ay Ling serta A. Kumaresan antara pemimpin



MOHD. Rashid Hasnon (berkaca mata) menghirup teh ais istimewa yang disajikan oleh pengusaha *food truck* sambil diperhatikan oleh Jusni Ismail (kiri sekalii) pada penganjuran Festival Food Truck 2016 di sini baru-baru ini.

Kerajaan Negeri yang menyertai majlis perasmian festival tersebut.

Menurut Mohd. Rashid, sebelum ini, isu budaya terkini *food truck* tersebut turut dibangkitkan oleh beberapa anggota mesyuarat dalam sesi persidangan di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang (DUN).

"Beberapa kawasan kini juga sedang dikenal pasti untuk dijadikan tapak perniagaan *food truck* sama ada di Seberang Perai mahupun kawasan pulau," responsnya.

Difahamkan, Festival Food Truck 2016 dianjur oleh Pejabat Timbalan Ketua Menteri I bersama-sama Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya (DBD) dan Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut (DTL) dengan penyertaan 12 pengusaha *food truck* dan beberapa gerai jualan lain.

Industri francais sumbang pertumbuhan KDNK negara

PANTAI JEREJAK – Industri francais merupakan salah satu sektor penting dalam pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara, sekaligus merangsang perkembangan ekonomi negara.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata, sektor tersebut lebih berisiko rendah dan kini kian diceburi rakyat Malaysia khususnya dalam kalangan penggiat-penggiat industri kecil dan sederhana (SME).

"Pada tahun lalu, industri francais menyumbang RM26.8 bilion kepada KDNK negara atau bersamaan 2.6 peratus daripada keseluruhan.

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKN) sebelum ini menyasarkan industri francais mampu menjadi penyumbang sehingga 9.4 peratus daripada keseluruhan KDNK menjelang 2020 kelak," ujarnya ketika merasmikan Ekspo Francois

Antarabangsa dan Peluang Perniagaan dekat Subterranean Penang International Conference & Exhibition Centre (SPICE) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Pengusaha Kecil dan Sederhana Seberang Perai, Leong Yook Kheong dan Presidennya, Francis Wong.

Menurut Mohd. Rashid, syarikat-syarikat francais dari Malaysia kini tidak kurang hebatnya, apabila mampu memasarkan produk keluaran anak tempatan di lebih 2,000 cawangan membabitkan 54 negara.

"Malaysia turut menyasarkan untuk menjadi hab utama bagi pasaran francais ke Timur Tengah dan pasaran Indonesia," jelasnya.

Tambah beliau, sebagai tambahan, Kerajaan Negeri turut menggalakkan perkembangan sektor francais menerusi penganjuran seminar, bengkel, program mentor-mentee termasuk mewujudkan zon SME di Bayan Lepas serta Batu Kawan.



BEBERAPA pengunjung tidak melepaskan peluang memperoleh maklumat diperlukan bersempena penganjuran Ekspo Francois Antarabangsa dan Peluang Perniagaan di sini baru-baru ini.



• Perlukan Modal Tambahan? • Ingin.... Kembangkan Perniagaan?
• Dapatkan Pinjaman Mikro Kredit PTSR Segera!!!

TANPA
CAGARAN &
PINJAMIN

PINJAMAN MIKRO KREDIT PROJEK TITIAN SAKSAMA RAKYAT (PTSR) NEGERI PULAU PINANG

SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia berumur antara 18-60 tahun • Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
- Mempunyai lesen perniagaan dan telah berniaga sekurang-kurangnya 6 bulan

RM1,000 - RM6,000 (PINJAMAN PERTAMA)
TEMPOH BAYARAN BALIK 1 TAHUN
TANPA FAEDAH

MAKSIMA RM20,000 (PINJAMAN KALI KE-2, KE-3 & KE-4)
TEMPOH BAYARAN BALIK 2 TAHUN
8% FAEDAH SETAHUN



Kaedah cabutan undi & sebut harga terbuka Pesta P. Pinang bukti kurang orang tengah kaut untung pintas – KM

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI

Gambar : SHUM JIAN-WEI

BATU UBAR - Seiring dengan prinsip CAT Kerajaan Negeri iaitu Cekap, Akauntabiliti dan Telus, kemudahan perniagaan pada penganjuran Pesta Pulau Pinang 2016 adalah ditawarkan melalui kaedah cabutan undi dan sebut harga terbuka.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pendekatan tersebut telah diguna pakai dalam tempoh tiga tahun sebelum ini dan ternyata dapat mengurangkan masalah penggerai yang dipercayai terpedaya oleh pihak atau orang tengah yang hanya mahu mendapat keuntungan pintas serta singkat.

"Dengan ini, pada penganjuran tahun ini, saya difahamkan sebanyak 161 gerai jualan serta pameran merangkumi sektor elektrik dan elektronik, produk kesihatan, pelancongan, hiasan dalaman, produk berasaskan kayu, bazaar tekstil, pokok hiasan, pakaian, produk kraftangan dan lain-lain telah mengambil bahagian.

"Malah, lebih menarik adalah sebagai Kerajaan Negeri berjiwa rakyat yang peka kepada rintihan rakyat dibebani dengan GST (Cukai Barang dan Perkhidmatan), harga tiket masuk ke Pesta Pulau Pinang masih lagi dikekalkan iaitu RM3 untuk dewasa dan RM1 untuk kanak-kanak," katanya pada Majlis Perasmian Pesta Pulau Pinang 2016 di sini pada 1 Disember lalu.



DR. Abdul Rahman Abbas bersama Majimor Shariff memotong kek sempena Sambutan Ulang Tahun Pesta Ke-50 sambil diiringi Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Perasmian Pesta Pulau Pinang 2016 di sini pada 1 Disember lalu.

Hadir menyempurnakan majlis berkaitan, Tuan Yang Terutama Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas bersama isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Turut serta, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Law Choo Kiang; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng; Setiausaha Kerajaan

Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; Pegawai Kewangan Negeri, Sarul Bahiyah Abu; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, Dr. T. Jayabalan; ADUN Komtar, Teh Lai Heng dan Pegawai Daerah Barat Daya, Ederis Mat Din.

Menurut Guan Eng, penganjuran Pesta Pulau Pinang yang merupakan kali ke-50 pada tahun ini adalah pelaksanaan aktiviti dan program secara menyeluruh dengan mengambil kira program bercorak kekeluargaan, kesukanan dan riadah, iaitu sebanyak 80 program telah diaturkan

sepanjang berlangsungnya temasya berkaitan.

"Pengunjung akan disajikan dengan pertunjukan hiburan pentas, program bercorak kesukanan seperti Pertandingan Silat Antarabangsa, Pesta Tinju Antarabangsa dan Pesta Muay Thai Challenger 2016.

"Dalam pertandingan berkonsepkan hiburan pula, Pesta Pulau Pinang bakal menganjurkan beberapa pertandingan bertujuan mencungkil bakat-bakat baru seperti Chinese Youth Karaoke Singing Competition, Bintang Pesta serta pertandingan Battle Of The Bands sebagai platform dalam melahirkan bintang-bintang baru dalam persada seni negara.

"Selain itu, terdapat juga program tambahan yang diperkenalkan iaitu Malam Kebudayaan Negeri melibatkan persembahan tarian dan nyanyian serta boria di bawah naungan Majlis Kebudayaan Negeri Pulau Pinang.

"Mengambil kira minat dan kecenderungan umum dalam budaya selfie/wefie, Pesta Pulau Pinang turut menyediakan beberapa ruang istimewa yang mana Jabatan Kerja Raya (JKR) Cawangan (Elektrik) juga telah mewujudkan satu sudut berkonsepkan Taman Elektra menempatkan lampu-lampu dan pelbagai acra menarik dengan pelbagai warna di hadapan Arena 1, laluan terowong cahaya berhadapan Arena 2, selain menaik taraf pencahayaan dengan pelbagai warna lampu di Taman Mini ala taman ICT," jelasnya.

*Kediaman indah
yang harus dimiliki*

Hak Milik Kekal
5% Diskaun Untuk Bumiputera

Rumah sesebuah 3 Tingkat Jenis A

Rumah sesebuah 3 Tingkat Jenis B

Harga Jualan dari **RM750,000.00**
Keluasan Tanah : 80' x 70' ke atas Keluasan Binaan : 4013 k.p. - 4418 k.p.

Peta Lokasi

Ahli-ahli Jawatankuasa Kariah terima saguhati tanda penghargaan

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

BERTAM – Sebagai menghargai peranan Jawatankuasa Kariah di seluruh negeri, Zakat Pulau Pinang (ZPP) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) menganjurkan Majlis Pembayaran Saguhati Jawatankuasa Kariah 2016 di sini baru-baru ini.

Penerimaan saguhati yang disempurnakan Yang di-Pertua MAINPP, Dato' Mohd. Salleh Man itu bertujuan memberi semangat dan inspirasi kepada mereka yang berkaitan.

Dalam ucapannya, Mohd. Salleh memberitahu, sebanyak RM402,800 diperlukan daripada dana zakat untuk sumbangan kepada 807 penerima.

Seramai empat penerima iaitu pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha dan bendahari daripada setiap 203 kariah menerima saguhati ini.

Pemberian ini adalah bertujuan untuk menghargai peranan penting yang dipikul pihak-pihak berkaitan terutamanya dalam mengurus dan mentadbir kariah masing-masing,” katanya pada majlis berkaitan.

Pengurus Besar ZPP, Azman Abdul Somat dan Ahli Lembaga Pengarah ZPP, Datuk Mustafa Kamal turut sama hadir pada majlis tersebut.

Mengulas lanjut, Mohd. Salleh menyatakan bahawa **majlis pemberian saguhati berkenaan adalah hasil sokongan dan kepercayaan semakin ramai pembayar zakat di negeri ini.**

“Dengan bertambahnya kepercayaan yang diberikan, tentunya semakin bertambah jugalah usaha untuk menyampaikan zakat kepada yang berhak dan memerlukan.

“Kutipan zakat tahunan yang sentiasa bertambah telah membolehkan ZPP meluaskan lagi manfaat zakat kepada asnaf dengan nilai bantuan yang semakin tinggi berbanding tahun-tahun sebelumnya,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir.

Dalam pada itu, Mohd. Salleh turut menyarankan agar setiap Ahli Jawatankuasa Kariah yang hadir untuk turut menjadi mata dan telinga ZPP dalam usaha meningkatkan kutipan dan agihan zakat.



MOHD. Salleh Man (tiga dari kiri) menyampaikan saguhati kepada salah seorang penerima sambil diperhatikan Mustafa Kamal Yusof (kiri sekali) dan Azman Abdul Somat (tiga dari kanan) pada Majlis Pembayaran Saguhati Jawatankuasa Kariah Peringkat Negeri Pulau Pinang 2016 di sini baru-baru ini.

THELIGHT COLLECTION

IV

Keindahan yang Mengagumkan Di Tepi Laut

5% Diskaun untuk Bumiputera ***



Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi: Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Tingkat 20, Komtar, 10503 Pulau Pinang
T: 604 6505242 F: 604 262 2904

Jelutong Development Sdn Bhd (210034-H)
Suite 16-01, Menara IJM Land,
1, Lebuh Tunku Abdul Rahman, 11700 Gelugor,
Penang, Malaysia
T: 604 296 1333 F: 604 296 1334


The Light: Developer: Jelutong Development Sdn Bhd (210034-H) Developer's License No: 8140-7/12-2016/02666(L), Validity Period: 23/12/2015 - 22/12/2016, Advertising Permit No: 8140-7/12-2016/02666(P), Validity Period: 23/12/2015 - 22/12/2016, Land Tenure: Freehold, Approving Authority: Jabatan Perancang Bandar & Desa Pulau Pinang, Accessory Parcel: Car Park (Except for Visitor Carpark), Land Encumbrances: Nil, 5% Discount for Bumiputera, THE LIGHT POINT: Approved Building Plan No: JPBD/PG/P2/PB-0043, Min. Price: RM 1,209,600, Max. Price: RM 3,336,900, Expected Date of Completion: Jan 2013, Total Units: 88 units, Total No. of Storeys: 28 Storey, Type of Development: Condominium 170m² - 380m², THE LIGHT COLLECTION I: Approved Building Plan No: JPBD/PG/P2/PB-0044, Min. Price: RM 823,600, Max. Price: RM 3,183,500, Expected Date of Completion: Aug 2013, Total Units: 176 units, Total No. of Storeys: 8 Storey, Type of Development: Condominium 127m² - 293m², THE LIGHT COLLECTION II: Approved Building Plan No: JPBD/PG/P2/PB-0052, Min. Price: RM 425,000, Max. Price: RM 3,060,000, Expected Date of Completion: Jan 2014, Total Units: 297 units, Total No. of Storeys: 7 Storey, Type of Development: Condominium 48m² - 336m², THE LIGHT COLLECTION III: Approved Building Plan No: JPBD/PG/P2/PB-0047 (PIN 2), Min. Price: RM 1,530,000, Max. Price: RM 5,720,000, Expected Date of Completion: Oct 2015, Total Units: 190 units, Total No. of Storeys: 11 Storey, Type of Development: Condominium 171m² - 483m², THE LIGHT COLLECTION IV: Approved Building Plan No: JPBD/PG/P2/PB-0048 (PIN 1), Min. Price: RM 1,600,000, Max. Price: RM 18,240,000, Expected Date of Completion: Mar 2017, Total Units: 98 units, Total No. of Storeys: 6 Storey, Type of Development: Condominium 185m² - 663m².

Kondominium

- | | |
|-------|-----------------------------|
| Jenis | 2,530 kp - 2,551 kp |
| A | RM 2,420,000 - RM 4,050,000 |
| Jenis | 1,991 kp |
| B | RM 1,810,000 |
| Jenis | 2,185 kp |
| C | RM 2,090,000 - RM 2,270,000 |
| Jenis | (4,359 kp - 4,435 kp) + RT |
| D | RM 5,750,000 - RM 5,900,000 |
| Jenis | 2,217 kp + RT |
| E | RM 3,600,000 |

Water Villas

- 7,018 kp - 7,136 kp
RM 14,400,000 - RM 15,500,000



THE LIGHT
WATERFRONT
PENANG

IJM LAND
An **IJM** Company

RUU Perbekalan 2017 peringkat jawatankuasa Kementerian Pendidikan Tinggi Pembangunan modal insan

Oleh : ZAIRIL KHIR JOHARI
Ahli Parlimen Bukit Bendera
merangkap Pengarah Eksekutif Penang Institut.

Tuan pengerusi,

SAYA ingin membahaskan isu pembangunan modal insan di universiti-universiti awam kita. Antara program-program pembiayaan yang disediakan oleh Kementerian adalah MyBrain15 yang memberi pembiayaan pengajian di peringkat ijazah sarjana dan kedoktoran dalam usaha mencapai sasaran 60,000 pemegang PhD dalam kalangan rakyat Malaysia menjelang tahun 2023. Setakat 30 September, seramai 54,035 pelajar telah dibiayai dengan perbelanjaan RM800 juta.

Pada tahun 2016, Kementerian menyasarkan 20,000 orang penerima biasiswa dengan 15,000 diperuntukkan untuk pelajar sarjana melalui program MyMaster dan 5,000 untuk program MyPhD. Sasaran ini diumumkan sendiri oleh Menteri pada awal tahun ini.[1]

Namun begitu, tampaknya berlaku penangguhan apabila tarikh akhir permohonan MyBrain15 bagi tahun ini telah dilanjutkan tanpa penjelasan dari bulan Mac hingga bulan Mei, dan kemudiannya tiada maklumat lanjut sehingga keputusan permohonan diumumkan, secara kebetulan semalam, setelah pemohon-pemohon menunggu selama enam bulan.

Sehubungan dengan itu, saya harap Kementerian dapat menjelaskan punca kelewatan keputusan permohonan ini serta memberi perangkaan bilangan pelajar yang berjaya. Adakah sasaran 20,000 pelajar telah dicapai dan berapakah yang disasarkan bagi tahun hadapan?

Seterusnya, saya juga ingin tanya sama ada yuran yang sudah dibayar pada awal tahun oleh pelajar yang baru menerima kelulusan ini, sekali dengan elau mereka, akan ditebus balik. Ini kerana terdapat banyak kekhawatiran dalam kalangan pelajar mengenai perkara ini.

Pada masa yang sama, saya dimaklumkan pembiayaan elau bulanan bagi pelajar MyPhD telah dikurangkan daripada RM2,300 kepada RM1,800. Dengan kenaikan kos sara hidup yang ketara pada ketika ini, adakah ianya wajar untuk memotong elau bulanan para akademik kita sebanyak lebih daripada 20 peratus? Usaha mengecapi kelayakan tertinggi dalam bidang akademik ini tidak mudah dan membabitkan pengorbanan masa dan duit yang banyak. Kementerian seharusnya membantu menyenangkan hidup penerima biasiswa dan bukan

Serambi
PENANG
I N S T I T U T E
making ideas work

menyukarkan keadaan mereka.

Saya juga difahamkan, para penerima MyBrain15 yang sedia ada menghadapi masalah apabila pembiayaan yuran bagi pengajian semester 2016/2017 lambat dikreditkan kepada pihak universiti sehingga menyebabkan ada pelajar yang didenda kerana lewat mendaftar. Takkun perkara semudah ini tidak boleh diproses dengan tepat pada waktunya? Apabila pemprosesan lambat dibuat, maka pelajar juga yang terpaksa menanggung natijahnya.

Kelewat pembayaran elau sara hidup dan yuran pengajian ini bukan sahaja dihadapi para penerima MyBrain15, malahan juga pelajar biasiswa kita di luar negara. Pada bulan Oktober yang lalu, media melaporkan berlaku kelewatan pembayaran elau yang telah menjelaskan ramai pelajar kita di luar negara. Selain itu, pelajar tajaan di luar negara juga khabarnya terpaksa berdepan dengan pelbagai pemotongan kemudahan seperti elau seminar dan sebagainya.

Tidakkah tindakan ini akan memberi kesan kepada kualiti pengajian pelajar tajaan kerajaan kita di luar negara? Saya harap Kementerian dapat menjelaskan berapa banyak kemudahan yang dipotong serta pewajarannya.

Pada masa yang sama, saya juga ingin mengetahui berapa ramaikah penerima biasiswa luar negara di bawah Kementerian mengikut pecahan skim, termasuk Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Skim Latihan Akademik (SLAI) pada tahun 2016. Berdasarkan statistik bagi tahun 2015,[2] bilangan pelajar tajaan Kementerian ke luar negara telah menjunam sebanyak 40 peratus daripada 26,530 pada tahun 2014 kepada 15,843 pada tahun 2016. Apakah punca kepada pengurangan yang mendadak ini dan adakah jumlah untuk tahun depan akan berkurang lagi?

Skim seperti SLAB dan SLAI adalah penting dalam mengukuhkan kedudukan dan kualiti universiti awam di negara kita agar mencapai sasaran 75 peratus staf akademik dengan kelulusan PhD di universiti penyelidikan dan 60 peratus di universiti bukan penyelidikan yang



ZAIRIL Khir Johari mengedarkan kalender 2017 di pasar malam Tanjung Bunga baru-baru ini.

sepatutnya dicapai pada tahun 2015. Namun, semakan pada statistik terkini[3] hanya menunjukkan 13,925 orang berkelulusan PhD daripada jumlah keseluruhan 31,877 orang staf pada tahun 2015. Meskipun beberapa universiti penyelidikan telah mencapai sasaran 75 peratus, angka keseluruhan sebanyak 40 peratus ini adalah jauh daripada sasaran.

Di samping itu, statistik yang sama juga menunjukkan hanya berlaku penurunan sebanyak 15 peratus bagi pelajar luar negara tajaan persendirian daripada 52,772 orang pada tahun 2014 kepada 44,540 orang pada tahun 2015. Jumlah pelajar tajaan persendirian ini hampir sekali ganda lebih besar berbanding dengan pelajar tajaan kerajaan. Berdasarkan trend semasa ini, adalah dikhawatir kekurangan ketara pelajar tajaan kerajaan berbanding pelajar tajaan persendirian akan menyumbang kepada ketidakeukupan kepakaran dalam negara, khususnya dalam sektor awam.

Universiti Sains Malaysia

Tuan pengerusi,

SAYA ingin membangkitkan isu mengenai satu-satunya Universiti APEX di negara kita, iaitu Universiti Sains Malaysia (USM). Dalam QS World University Ranking 2016/2017, kedudukan USM telah merosot dari tempat ke-289 ke tempat ke-330. Ini

merupakan ranking yang lebih teruk berbanding kedudukannya pada tempat ke-307 pada tahun 2007, iaitu setahun sebelum USM diberi penarafan sebagai Universiti APEX.

Keadan ini tidak masuk akal, kerana sepatutnya prestasi USM meningkat dan bukan menurun selepas diberi penarafan APEX. Saya telah memasukkan soalan mengenai perkara ini dalam pertanyaan lisan dan mendapat jawapan bahawa penilaian APEX dan ranking adalah dua sistem penilaian yang mempunyai fungsi berbeza. APEX menilai potensi institusi untuk memacu ke arah kecermerlangan manakala ranking menunjukkan keadaan semasa.

Jawapan ini membingungkan saya kerana penarafan APEX telah diberikan pada tahun 2008, iaitu lapan tahun dahulu. Bagaimanakah mungkin dalam tempoh masa lapan tahun ini tidak ada peningkatan yang ketara? Jika USM dikenalpasti sebagai universiti yang berpotensi tinggi, sepatutnya kita boleh melihat peningkatan prestasi dalam masa hampir satu dekad, khususnya apabila Menteri sendiri mengakui bahawa USM telah pun memulakan transformasinya sejak tahun 2001 lagi.

Malah, semasa mengumumkan pemilihan USM sebagai Universiti APEX pada tahun 2008, Menteri Pengajian Tinggi pada ketika itu menghebahkan bahawa USM mesti berada dalam kedudukan 100 universiti terbaik dunia dalam masa

lima tahun dan mencapai kedudukan 50 universiti terbaik menjelang 2020. Justeru, apakah mungkin USM dapat melakukan lompatan yang begitu mendadak dalam tempoh masa empat tahun dari sekarang sehingga berjaya masuk ke dalam kedudukan 50 universiti terbaik daripada tempat ke-330? Saya tidak yakin bahawa sasaran ini boleh dicapai, apakah lagi apabila peruntukan untuk USM makin dikurangkan daripada RM654 juta pada tahun 2015 kepada RM542 juta pada tahun 2016 dan hanya RM390 juta bagi tahun hadapan.

Pun begitu, jika Menteri mengatakan bahawa APEX dan ranking adalah dua penilaian yang berbeza, saya ingin tahu apakah indikator penilaian yang digunakan untuk APEX dan adakah indikator yang sama digunakan untuk universiti awam lain.

Akhir sekali, saya ingin tanya sama ada Kementerian berhasrat untuk membangunkan sistem ranking sendiri berdasarkan keperluan konteks negara. Saya rasa amat berguna jika kita mempunyai sistem ranking sendiri bagi memantau prestasi dan kejayaan universiti kita, serta menyediakan pentas persaingan antara universiti-universiti tempatan atas terma dan syarat yang lebih relevan kepada negara kita.

Saya berharap agar Kementerian dapat mempertimbangkan segala isu yang dibangkitkan dan memberi jawapan yang tuntas dan bernes. Sekian, terima kasih.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2016**

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
Heng Yeh Shuan	016 - 261 2460
H'ng Mooi Lye	012 - 425 2602
Kumar a/l Kanapathy	04 - 323 8757 016 - 407 6058
Mohamad Shaipol Ismail	019 - 414 6079
Satees A/l Muniandy	016 - 438 4767
Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani	019 - 411 8343
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Tan Chong Hee	019 - 411 5598
Zulkifli Ibrahim	012 - 477 5588
Mohd Sharmizan Mohamad Nor	011 - 1110 6456
Zaini Awang	019 - 546 3115
Goh Choon Aik	04-588 3045 019 457 3222
Alias Wan Chek	019 - 540 4553
Ong Jing Cheng	016 - 445 5709 012 - 758 3779
Anuar Yusoff	04 - 507 5390 016 - 4616 390
Amar Pritpal Abdullah	04 - 582 2020 019 - 452 2020
Shuhada Abdul Rahim	010 - 380 7672
Zulkiply Ishak	013 - 431 6161
Muhamad Suzuki Ahmad	012 - 465 4419
Dr. Tiun Ling Ta	04 - 508 0039 (Tel) 04 - 657 0918 (Fax)
Wong Chee Keet	012 - 451 1312
Ahmad Tarmizi Abdullah	013 - 414 4822

SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Chiam Heng Hak	Timur Laut	Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR.	04 - 650 5556
2.	Abdul Rahim Mohamed Nor	Barat Daya	Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau.	016 - 482 3549
3.	K. Krishnasamy	Seberang Perai Utara	Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas.	012 - 488 1553
4.	P. Rachenamorthy	Seberang Perai Tengah	Pejabat Bangunan MPSP, Jalan Betek, Bukit Mertajam	019 - 457 2271
5.	R. Gunalan	Seberang Perai Selatan	Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi.	011 - 2666 9091

Nota:

Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBPP 2016**

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Goh Choon Keong	019 - 471 7931
Gooi Seong Kin	016 - 457 1271
Teoh Koon Gee	016 - 419 1938
Harvindar a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Joseph Ng Soon Siang	012 - 423 9143
Kala a/p Durai Raj	016 - 468 4247
Lee Chun Kit	012 - 519 2152
Ong Ah Teong	012 - 410 6566
Syerleena Abdul Rashid	019 - 225 6502
Wong Yuee Harng	016 - 439 9121
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Muhammad Bakhriar Wan Chik	019 - 470 8811
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Kumaresan a/l Aramugam	014 - 945 9621
Felix Ooi Keat Hin	016 - 417 1331
Ahmad Azrilal Tahir	012 - 498 4556
Shahul Hameed M.K. Mohamed Ishack	017 - 473 0194
Ahmad Razaim bin Azimi	012 - 572 4711 016 - 451 9225
Mhd. Nasir Yahya	012 - 402 6739
Saiful Azwan Abd Malik	016 - 463 2787
Dr. Lim Mah Hui	012 - 422 1880
Eric Lim Seng Keat	016 - 414 3428
Gan Ay Ling	012 - 401 2265
Mohamed Yusoff Mohamed Noor	012 - 472 8114

**Kalendar Pelancongan
Pulau Pinang Dis. 2016**



SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

Penulis:
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

Jurugambar/Juruvideo:
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA DAUD

Jurugrafik:
IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Lydia Ong tak kisah dikenali 'YB lantang'

SEPENG GAL juga masa diambil oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit, Lydia Ong Kok Fooi (Lydia Ong) sejak tahun 2008 untuk menyelesaikan cabaran banjir kilat di sekitar kawasan Kampung Baru dan kawasan perumahan B Garden.

Lydia Ong dalam sesi wawancara khas baru-baru ini memberitahu bahawa projek perparitan B Garden dimulakan pada 2012 dan siap dirasmikan selepas Pilihanraya Umum Ke-13 dalam tahun 2013.

"Sejak tahun 1999, limpahan air hujan di B Garden mengakibatkan beberapa kawasan di Kampung Baru akan dilanda banjir kilat, tetapi saya mengambil masa sepenggal juga untuk menyelesaikan cabaran banjir di sini."

"Di tempat-tempat lain, saya berasa Berapit ini bertuah kerana di sini bukanlah kawasan banjir kilat."

"Kalau berlaku juga banjir kilat, mungkin disebabkan fenomena hujan lebat yang berterusan atau mungkin juga begitu banyak sampah tersebut pada parit laluan utama air di B Garden dan Kampung Baru," katanya kepada pemberita akhbar Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan **ZAINULFAQAR YAACOB** serta jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** baru-baru ini.

Sebelum itu, Lydia Ong menyampaikan bantuan seragam sekolah, saguhati sempena sambutan Hari Krismas dan sumbangan khas kepada seorang orang kurang upaya (OKU) di Pusat Khidmat Rakyat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Berapit di sini.

Berapit merupakan KADUN paling kecil dalam Parlimen Bukit Mertajam, berbanding Padang Lalang yang disandang oleh Chong Eng dan Lee Khai Loon, Machang Bubok.

Ada dua pasar awam sahaja di Berapit, iaitu Pasar Awam Kampung Baru dan Pasar Awam Berapit.

Langsung tiada masjid di Berapit, tetapi ada dua surau termasuk di Taman Jernih.

Daripada 19,895 pengundi berdaftar pada tahun 2008, 86 peratus adalah Cina, India (10 peratus) dan Melayu (4 peratus).

"Tetapi, Melayu sangat gembira, itu yang saya lihat di Surau Taman Jernih, kerana saya senantiasa memberikan komitmen terhadap permohonan dana atau projek infrastruktur yang dimohon tanpa melihat latar belakang pengundi saya ini."

"Peruntukan untuk anak-anak kita belajar Al-Quran pun saya beri kerana ini hak anak-anak kita," ujarnya.

Saban tahun kata Lydia Ong, beliau mendapat peruntukan infrastruktur sejumlah RM220,000, selain RM50,000 geran tunai untuk diagihkan kepada semua rakyat yang memerlukan.

"Semua ADUN dapat sama peruntukan daripada Kerajaan Negeri, ini sebenarnya adalah duit rakyat kerana rakyat lah yang membayar cukai," jelasnya selepas

Majlis Penyampaian Baucer Seragam Sekolah di Pusat Khidmat ADUN Berapit dekat Pusat Perniagaan Alma di sini.

PENGALAMAN

Lydia Ong terjun ke arena politik menjelang PRU12, dengan menyertai Parti Tindakan Demokratik (DAP).

Tindakannya itu mengundang pelbagai reaksi, memandangkan ayahnya adalah orang kuat Gerakan dan pernah menjadi ADUN di negeri Kedah.

"Saya datang dari Pendang, Kedah, dan sebab apa saya berbeza pendapat politik dan terjun dalam arena ini, lain tak bukan sebab kes Chee Gaik Yap."

"Semalam 'mereka' buat 'masalah' di pintu jiran saya, dan esok mungkingiliran 'rumah' saya pula, jadi dengan mengambil bahagian dalam politik boleh menghentikan semua ini," tegas beliau berkongsi rasa hati.

Difahamkan, Gaik Yap adalah bekas penuntut Universiti Utara Malaysia (UUM) yang dibunuh secara kejam selepas dipercayai dirogol, dengan mayatnya ditemui separuh bogel di Jalan Kelab Cinta Sayang pada awal pagi 15 Januari 2006.

Lydia Ong memberitahu, sehingga kini beliau lantang memihak kepada kebenaran tanpa mengira sentimen parti kerana mengenangkan nasib gadis malang itu.

Beliau pernah menjadi Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti selama sepenggal selepas memenangi Pilihan Raya Umum Ke-12 pada 8 Mac 2008 hingga Mei 2013, sebelum jawatan exco itu berpindah tangan kepada Chong Eng hingga kini.

PRU12 menyaksikan Lydia Ong mendapat 4,692 undi majoriti menewaskan pencabarinya, Lau Chiek Tuan.

Dalam PRU13 pada 5 Mei 2013 pula, beliau mendapat majoriti undi terbesar dalam sejarah semua calon DAP yang menang, hatta pencabarinya daripada parti komponen Barisan Nasional (BN) hilang wang pertaruhan.

"Saya tidak pernah mencetak risalah atau kalender tahunan menggunakan dana rakyat untuk mempopularkan diri, tapi kali ini saya mencetaknya (kalender kecil), mungkin untuk penggal terakhir saya, sebagai kenangan," katanya.

"MEMIHAK KEBENARAN"

Menurut Lydia Ong, sejak bergelar Yang Berhormat (YB), beliau tidak pernah membezakan rakyat di KADUN Berapit, atas sentimen kaum, agama atau sentimen kepartian.

Ketika menjadi Exco Kerajaan Negeri, Lydia Ong menyatakan bahawa beliau senantiasa meluluskan peruntukan program yang dirasai akan menguntungkan rakyat, sungguhpun pengajur terbabit dikenal pasti mesra parti pembangkang.

"Walaupun saya mewakili DAP, sebagai ADUN yang dipilih oleh

LYDIA Ong Kok Fooi (dua dari kiri) merakam gambar kenangan dengan pelajar cemerlang OKU serta ibu bapanya pada majlis penghargaan yang dianjurkan.



majoriti rakyat, saya harus memberi khidmat untuk semua rakyat, bukan pihak tertentu saja.

"Ketika menjadi Exco dahulu pun saya lantang memihak kepada kebenaran, ketika saya menjadi ADUN sekarang pun inilah sikap saya."

"Dan, saya tak kisah dikenali sebagai 'Yang Berhormat' (YB) paling lantang dalam blok kerajaan," selorohnya.

RMM, PBT

Lydia Ong dalam sesi mesyuarat di Dewan Undangan Negeri (DUN) antara yang lantang menuntut pembinaan Rumah Mampu Milik (RMM) di atas sebidang tanah milik Kerajaan Negeri dekat KADUN Berapit.

Katanya, sejak tahun 2008, langsung tiada RMM dibina di Berapit, sama ada oleh Kerajaan Pusat mahupun Kerajaan Negeri.

"Sejak beberapa sesi persidangan DUN Pulau Pinang, saya tidak pernah putus asa membawa isu RMM yang diperlukan oleh rakyat Berapit, dan saya yakin suatu hari ini hasrat ini akan dikotakan juga," ujar beliau.



MEMBAWA rombongan JKKA sekitar Berapit 'makan angin' di luar Pulau Pinang, sebagai menghargai jasa mereka meningkatkan mutu kebersihan dan keselesaan penduduk setempat di KADUN Berapit.

Selain itu, Lydia Ong turut dikenali sebagai YB yang lantang mempertikai kerja-kerja pembersihan dijalankan pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

"Sebelum MPSP mengambil pekerja-pekerja kontrak pembersihan, saya sudah menolak sebuah syarikat kontrak kerana syarikat itu tidak elok membersihkan kawasan kediamaan tertentu di rumah keluarga saya di Sungai Petani Kedah."

"Jika ada kakitangan kontrak

MPSP yang tidak serius melakukan kerja-kerja pembersihan di pasar awam dalam KADUN Berapit umpamanya, patut diganti dengan pekerja-pekerja lain yang elok.

"Di bahagian pulau, cukup bersih dan hijau, tapi apabila datang ke bahagian Seberang Perai, keadaan tandas awam dan pasar awam jadi kotor."

"Kita mahu hidup yang selesa dan berkualiti untuk rakyat, maksudnya pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu lebih bekerja keras," tegas beliau.



PADA Majlis Penyampaian Bantuan Seragam Sekolah Peringkat KADUN Berapit.

RM3 juta untuk Projek Ekonomi Khas termasuk bantu ekonomi Melayu - Exco

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

SEBANYAK RM3 juta diperuntukan dalam Bajet 2017 Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah Projek Ekonomi Khas, dengan memberi fokus kepada projek pembinaan rumah baru, baiki rumah dan (projek) bantuan peralatan untuk masyarakat terpilih.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata demikian ketika program Jelajah Desa 2016 Peringkat Seberang Perai Utara (SPU) dan Daerah Timur Laut (DTL) baru-baru ini.

"Projek Ekonomi Khas ini memang untuk semua kaum yang layak, tidak benar sekiranya disebut Kerajaan Negeri hari ini tak bantu orang Melayu dari segi berniaga atau meningkatkan taraf hidup mereka.

"Contoh, Projek Bina Rumah Baru Perumahan Rakyat bernilai RM40,000 untuk penerima, Rabiah Abdul Manap dekat Jalan Persiaran Sungai Gelugor Dua, di sini (DTL) merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri di bawah Projek Ekonomi Khas," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya pada program berkaitan.

Selain itu, menurut Afif, sejumlah RM200,000 yang diperuntukan dalam Belanjawan 2017 akan dibelanjakan untuk menganjurkan program-program pembangunan modal insan.

"RM200,000 ini adalah demi melahirkan warga yang bermotivasi dan berdaya saing, dan harapan kita (Kerajaan Negeri) bahawa mereka yang menyertai program modal insan akan menjadi warga



MENYAMPAIKAN replika kunci Projek Bina Rumah Baru Perumahan Rakyat kepada Rabiah Abdul Manap pada program Jelajah Desa 2016 Peringkat DTL.

yang optima untuk bersama-sama membangunkan ekonomi negeri Pulau Pinang," jelasnya.

Dalam perkembangan lain, Afif memberitahu bahawa Kerajaan Negeri menyedari bahawa terdapat banyak 'kampung warisan Melayu' dan akan menyalurkan bantuan berwajib kepada mereka yang layak.

Di DTL, beliau menyampaikan bantuan peralatan bernilai RM2,968 berupa gerai, meja, pemanas kopi dan 12 unit plastik kepada penerima, Lizarosnita Zakariah.

Md. Amin Babjan dan isteri, Zarina Shaari turut menerima mesin pengadun paf krim bernilai RM2,980, yang mampu menyediakan sehingga 300 paf krim sehari untuk dipasarkan di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam serta kawasan sekitar daerah ini.

Selepas itu, jelajah desa Afif seterusnya ke Masjid Tuan Guru dekat Tanjung Tokong.

Di sini, beliau menyertai kenduri rakyat serta menyampaikan bantuan kelengkapan persekolahan kepada 50



JAMILAH ZAINOL.

pelajar terpilih.

Dalam perkembangan berasingan, Afif turut menyerahkan replika kunci Projek Bina Rumah Baru bernilai RM40,000 kepada seorang ibu tunggal, Jamilah Zainol, 45, di Kampung Pasir Gebu, SPU.

Turut disampaikan 10 ekar tanah pendudukan sementara (TOL) kepada Othman Mohd. Isa di Kampung Tepi Laut Pasir Gebu,



DR. AFIF BAHARDIN mengisi adunan tepung ke dalam acuan pada lawatannya ke kedai Zana Baulu di Taman Mengkuang Titi, SPT.

SPU untuk peladangan nipah dan perusahaan air nira.

Pada kesempatan sama, Afif turut melawat Khatijah Zainon, 39, di Taman Penaga Permai, SPU, iaitu penerima mesin ketuhar bernilai RM2,100 pada tahun lalu.

Menurut Khatijah, bantuan di bawah Projek Ekonomi Khas yang diterimanya membolehkan beliau menghasilkan 300 biji kuih seperti karipap, cucur badak, popia dan sebagainya dalam tempoh sehari.

"Seperti di Daerah Timur Laut (DTL), Kerajaan Negeri di Permatang Pak Elong dekat Penaga (SPU) juga bina baru rumah rakyat untuk Encik Saad, berusia 85 tahun yang tinggal dengan isteri dan memperoleh pendapatan bulanan RM350 hasil sawah.

"Selepas ini, Jelajah Desa 2016 seterusnya ke Surau Al-Mutaqin dekat Bandar Putra Bertam kerana di sana ada seramai 12 penerima Bantuan



MD. AMIN BABJAN DAN ZARINA SHAARI.

Peralatan Fasa D bagi Daerah SPU (Seberang Perai Utara) juga, berupa mesin jahit, pembakar, pengisar, peti sejuk, periuk, dapur, kerusi dan meja, kanopi dan sebagainya untuk kegunaan perniagaan, demi meningkatkan pendapatan komuniti desa," jelas Afif.

Selain Daerah SPU dan DTL, turut diadakan adalah Jelajah Desa 2016 Peringkat Seberang Perai, Tengah (SPT), Seberang Perai Selatan (SPS) dan Daerah Barat Daya (DBD).



DI ladang nira nipah Othman Mohd. Isa (kiri sekali), Kampung Tepi Laut Pasir Gebu, SPU.



KEADAAN Jeti Nelayan Kampung Terus di Penanti yang sedang dibangunkan Kerajaan Negeri.

Penang Goes Orange disambut baik!

MEMANDANGKAN trend keganasan siber yang baru muncul dalam kalangan orang muda di Malaysia, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), dengan kerjasama Pusat Wanita untuk Perubahan (WCC) Pulau Pinang, telah menganjurkan Penang Goes Orange (PGO) 2016, dengan tema ‘Hentikan Keganasan Siber’. Kempen yang mendapat sambutan baik ini telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng pada Nov 25.

Untuk mendapat penglibatan ramai, PGO2016 telah menganjurkan ceramah di kolej-kolej tempatan yang melibatkan hampir 300 pelajar kolej dan pensyarah. Satu pertandingan media sosial selama sebulan telah dilancarkan untuk menggalakkan orang ramai menaik muat foto yang termasuk oren, sebagai peringatan untuk menghentikan keganasan siber.

LOH Cheng Kooi, Pengarah Eksekutif WCC (dari kiri); Ong Bee Leng, Ketua Pegawai Eksekutif PWDC; Abdul Malik Abul Kassim, ADUN Batu Maung; Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang; Chong Eng, Pengurus MMK Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti; serta Chong Beng Keok, Naib Canselor KDU Pulau Pinang hadiri majlis pelancaran kempen Penang Goes Orange.



hadiah wang tunai pada 9 Disember 2016, semasa majlis penutupan kempen. Majlis penutupan kempen itu diadakan sempena Forum Penang Goes Orange anjuran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), di mana perbincangan panel berkaitan keganasan siber telah dianjurkan dengan

ahli panel termasuk daripada MBPP ahli majlis tempatan dan pegawai polis.

Seramai 150 peserta telah menghadiri forum tersebut, di mana pengetahuan berkaitan cara-cara untuk memerangi keganasan siber, dan pihak berkuasa yang boleh dihubungi apabila berhadapan risiko dalam dunia maya telah dikongsi.

Keganasan siber boleh berlaku dalam bentuk mesej lucah, hendap siber, panggilan video yang tidak sesuai dan pelbagai bentuk lain, yang boleh memberi kesan kepada sesiapa dalam masyarakat, sejak internet menjadi satu keperluan yang tidak dapat dipisahkan.

Melalui Kempen Penang Goes Orange 2016, langkah berjaga-jaga dan pencegahan keganasan siber diterangkan dalam video, dengan harapan untuk mendapatkan perhatian orang ramai dan mendidik mereka cara yang betul untuk menghadapi fenomena ini. Sehingga kini, kempen ini telah mencapai lebih daripada 10,000 orang. Orang ramai boleh menonton video di saluran YouTube PWDC, atau layari pwdc.org.my.



YDP MPSP Datuk Maimunah (kedua dari kiri), ADUN Seberang Jaya Dr Afif Bahardin dan Ketua Pegawai Eksekutif PWDC Ong Bee Leng menyampaikan sijil penghargaan kepada penduduk yang menyertai sesi pembentangan Projek Kita.

projek ‘Butik Café dan Usahasama’ telah diperuntukkan dana tertinggi iaitu sebanyak RM10,000. Kumpulan Seroja, Setia Kawan & Rumpun Hijau mendapat dana RM3,000 setiap kumpulan. Turut mendapat dana RM1,000 adalah kumpulan Al-Haddad yang menjual produk makanan kesihatan.

17 kumpulan yang menyertai Sesi Pembentangan projek ini adalah terdiri daripada pelbagai latar belakang gender, umur dan etnik. Walaupun hanya 9 kumpulan yang berjaya memperoleh peruntukan yang telah disediakan namun usaha penduduk yang menyertai projek ini bukan sia-sia. Ia boleh menjadi permulaan kepada sesuatu yang lebih baik dan walaupun jumlah dana yang diperuntukan tidak begitu banyak akan tetapi ia sebagai pemangkin kepada pemberdayaan komuniti untuk menjalankan projek atau program yang diinginkan.

Seperti ucapan YBhg Datuk Bandar MBPP dan YBhg YDP MPSP, projek seumpama ini dapat diteruskan oleh pemimpin tempatan yang lain dan juga dilaksanakan diperingkat komuniti sendiri melalui persatuan-persatuan yang sedia ada di sini mahupun di luar.

Projek kita

GENDER Responsive and Participatory Budgeting (GRPB) di Pulau Pinang bermula secara ‘top-down’, namun begitu, ia telah dilaksanakan di peringkat komuniti melalui proses penyertaan rakyat. PPR Jalan Sungai dan PPR Ampangan merupakan dua Projek Perumahan Rakyat (PPR) di bawah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah menjadi fokus sebagai projek perintis GRPB di peringkat komuniti. Kejayaan projek GRPB telah membuktikan bahawa konsep penyertaan rakyat boleh digunakan dalam membuat keputusan pengagihan bajet di PBT.

MBPP dan MPSP telah merancang Pelan Tindakan Strategik TIGA tahun (2016 – 2018) untuk menginstitusikan GRPB di PBT. Sehubungan dengan itu, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta Benda MBPP dan MPSP yang menguruskan PPR Jalan Sungai, Sungai Pinang dan PPR Ampangan bersama PWDC telah menjalankan Projek Penyertaan Rakyat (PPR) “Projek Kita” di kedua-dua PPR tersebut.

Antar tujuan “Projek Kita” adalah untuk melaksanakan pendekatan GRPB yang berbeza serta kreatif dan boleh dijalankan dalam perancangan bajet PBT. “Projek Kita” ini juga membuktikan bahawa penduduk telah diperkasa dan mampu mengambil inisiatif untuk memohon dana yang disediakan melalui projek penyertaan rakyat. Ia turut mengenalpasti penduduk PPR yang berpotensi menjadi pemimpin terutamanya dalam kalangan wanita dan akhirnya menggalakkan penduduk melaksanakan lebih banyak aktiviti / program kemasyarakatan dan pembangunan ekonomi penduduk.

Sejumlah dana RM20,000.00 ditawarkan kepada penduduk disetiap

PPR. Penduduk yang menyertai projek ini perlu membuat pembentangan kepada Juri Penilai yang dipilih oleh PWDC yang merangkumi ADUN Kawasan, Ahli Majlis MBPP / MPSP, Wakil Jabatan Penilaian MBPP / MPSP dan Ketua Pegawai Eksekutif PWDC serta Pengurus Projek GRPB. Projek Perniagaan serta Projek / Program komuniti telah ditetapkan sebagai kriteria “Projek Kita” dan hanya penduduk di kedua-dua PPR yang berumur 13 tahun ke atas boleh menyertai projek ini.

Pada 6 November 2016 sebanyak 10 Kumpulan dari PPR Jalan Sungai yang terdiri daripada 25 wanita & 13 lelaki telah membuat pembentangan projek masing-masing. Kehadiran YBhg Dato’ Patahiyah Ismail, Datuk Bandar MBPP seawal 8.30 pagi menyemarak semangat para peserta. YB Lim Siew Khim, ADUN Sungai Pinang turut hadir ke Sesi Pembentangan “Projek Kita” ini.

Kumpulan Pantas Niaga dengan projek ‘Next Pay’ (pembayaran bil) mendapat dana tertinggi sebanyak RM7,500. Kumpulan Kristal dengan projek ‘Terapi Ion Detox’ mendapat dana RM6,600. Turut mendapat dana adalah Kumpulan Topang Green sebanyak RM3,400 dengan projek barang pasar dan Brigade Al-Mujahirin dengan projek barang Islam mendapat peruntukan dana RM2,500.

Di PPR Ampangan pula Sesi Pembentangan “Projek Kita” diadakan pada 13 November 2016. Sebanyak 7 kumpulan yang terdiri daripada 24 wanita & 5 lelaki telah menyertai projek ini. Kehadiran YB Dr. Afif Bahardin, EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan YBhg Dato’ Maimunah Mohd Shariff telah menyeriakan lagi program.

Kumpulan Seri Semarak dengan

Voices wanita

PADA Nov 25, lebih daripada seratus orang berkumpul di Black Kettle Café untuk Pembentangan VOICES 2016. Program ini adalah hasil kerjasama Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dengan George Town Literary Festival (GTLF) 2016. VOICES 2016 adalah program penulisan yang unik untuk penulis wanita yang menggabungkan unsur-unsur penulisan, analisis gender dan intersectionality. Malah, ianya percuta!

Penulis terpilih tahun ini ialah Sharmilla Ganesan, Dhiyanah Hassan, May Chong, Wan Phing, dan Michelle Yesudas. VOICES 2016 terdiri daripada dua bahagian: kesedaran gender & bengkel penulisan unik yang telah diadakan pada 8 dan 9 Okt, dan Pembentangan pada Nov 25, di mana lima penulis wanita berkongsi kisah mereka sebagai wanita menerusi artikel sendiri.

Tema tahun ini, “Wanita Saya Idamkan”, meneroka jurang antara aspirasi wanita dan realiti kehidupan mereka.

PWDC dengan Bernice Chauly (Pengarah GTLF) mendorong penulis untuk menyelam ke dalam dan mendengar suara dalam diri mereka semasa sesi bengkel. Bengkel ini terbukti mencabar dan membuka mata para peserta. Perbincangan sekitar jantina, intersectionality dan keistimewaan masing-masing menjayakan penciptaan seni dan kesusasteraan melalui kanta yang berbeza. Penulis yang berminat boleh menghubungi Rubin M di rubini.maheswaran@pwdc.org.my untuk maklumat lanjut berkaitan pengambilan 2017.

Sebagai sebuah organisasi yang berjuang untuk mengarusperdagangkan kesaksamaan gender, PWDC mengiktiraf sastera memainkan peranan kritikal dalam membentuk budaya dan realiti. Malangnya, perwakilan wanita dalam kesusasteraan popular adalah tidak mencukupi. Watak-watak wanita sering dilihat hanya dari satu dimensi, stereotaip atau membosankan.

Kami di PWDC, percaya pada kekuatan cerita untuk memperdaya, untuk menjadikan insan dan akhirnya, untuk membuat perubahan. Dalam dunia yang sering mengabaikan pendapat wanita, mendasarkan pilihan mereka, tidak mengambil kisah impian mereka dan memadamkan kehidupan realiti mereka, kisah-kisah ini adalah untuk menentang halangan-halangan. Kisah-kisah ini memberi inspirasi, menggerak dan mengubah kita. Cerita-cerita ini memberi VOICES kepada wanita. Chapbook yang membentangkan kisah penulis wanita terpilih boleh didapti di Gerak Budaya.



DHIYANAH HASSAN (ketiga, dari kiri) bersama-sama dengan penulis wanita terpilih.

KEHIDUPAN MODEN SUASANA DESA

PEGANGAN BEBAS

Harga Dari **RM368,000.00**


5% Diskaun untuk Bumiputera

Nama Syarikat :
NEW EDITION DEVELOPMENT SDN. BHD.

Anak Syarikat :
STRENGTH FORMATION (M) SDN. BHD.

No. 2-2F, Jalan Gamelan Indah 1,
Taman Gamelan Indah,
14200 Sungai Bakap, S.P.S. Pulau Pinang.
Tel: 04 582 6900
H/P : 012-3839031 Frankie Ang

- No. lesen Pemaju : 12038-1/10-2017/02724(L) • No. Permit : 12038-1/10-2017/02724(P) • Tarikh Tamat Tempoh : 17/10/2016 - 16/10/2017
- Diluluskan Oleh : Lesen Pemajuan Perumahan & Permit Iklan dan Jualan • Tarikh Dijangka Siap : Mac 2017 • 32 Unit Rumah Teres 2 Tingkat berharga minimum RM368,000.00 - RM698,000.00



TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layari laman web : <http://www.penang.gov.my>



Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 8390 : MOHD ADHA BIN SAIPUDIN - 78111507**** NO.1306 LORONG SELASIH 6/4, TAMAN SELASIH, KULIM 09000 KEDAH	No Akaun Peminjam	: 8391 : AZIZAN BIN AHMAD - 80082909**** 8045 KAMPUNG TELUK, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 8398 : NOR HAZANA BINTI MD SALLEH - 79040707**** 165 D KG. SUNGAI LIMAU, LUNAS 09600 KEDAH	No Akaun Peminjam	: 8439 : ISMANIZAM BIN ABD RASHID - 79041607**** LOT 266 SUNGAI CHENAAM, 14320 NIBONG TEBAL, SEBERANG PERAI SELATAN
Penjamin 1	: SAIPUDIN BIN AHMAD - RF/51*** 1306 LORONG SELASIH 6/4, TAMAN SELASIH, 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 1	: NOOR AZIZAH BINTI AHMAD - 72101507**** NO. 553 TAMAN TEJA 2, JALAN TEJA 19, CHANGLOON 06010 KEDAH	Penjamin 1	: MD. SALLEH B. AHMAD - (MENINGGAL DUNIA) 1060 MK 20, SUNGAI SEMAMBU 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: ABD RASHID BIN MAT ALI - 47071307**** LOT 266 SUNGAI CHENAAM 14320 NIBONG TEBAL, SEBERANG PERAI SELATAN
Penjamin 2	: MOHD FITRI BIN SAIPUDIN - A3423*** NO. 2A LORONG BLM 5/2, BANDAR LAGUNA MERBOK 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 2	: AZIZ BIN AHMAD - 70060502**** NO. 66457 TAMAN EHSAN, SUNGAI JAGONG, SUNGAI LAYAR 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	Penjamin 2	: SAAD B. MAT - 53052907**** 2352 LORONG SELASIH 9A/4, TAMAN SELASIH 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 2	: NOORDIN BIN YUSOP - (MENINGGAL DUNIA) NO. 27 JALAN PERMAI 11, TAMAN SERAI PERMAI 34300 BAGAN SERAI, PERAK
No Akaun Peminjam	: 8441 : WAN SULAIMAN BIN MD DAUD - 77072807**** NO. 72A JALAN BP 13A, TAMAN BUKIT PERMATA 68100 BANDAR SRI GOMBAK, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 8444 : LIM LAY CHIN - 78091307**** 8-0-9 PERSIARAN BUKIT JAMBUL 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 8481 : FAZINUSHANI BIN MOHAMED - 79090307**** NO. 562 KUALA MUDA 13100 PENAGA, SPU FADZINU ALLA BIN MOHAMED - 70120107****	No Akaun Peminjam	: 8482 : TAN CHONG HONG - 80121607**** ST. CHRISTOPHER'S INTERNATIONAL PRIMARY SCHOOL, NO. 10 NUNN ROAD 10350 PULAU PINANG
Penjamin 1	: NORIZAL BIN MD. NOORDIN - 58080707**** NO. 6 LORONG KENARI, 11900 SUNGAI ARA, PULAU PINANG	Penjamin 1	: KHOO TIEK EE - 52102307**** 49 JALAN KURAU, 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: 70120107**** BLOK E 2-06 LORONG MACHANG BUBOK 34, TAMAN MACHANG BUBOK 14020 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: TAN GIM SUAN - 73060407**** 11 PERSIARAN MAYANG PASIR 7, 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2	: AHMAD HAMBALY BIN KASSIM MERICAN - 47020507**** BLOK 22A 3-10, PERSIARAN MAYANG PASIR 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG	Penjamin 2	: OOI GUAN LYE - 69112407**** 72 LINTANG BUKIT KECIL 2, TAMAN SRI NIBONG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	Penjamin 2	: 11 PERSIARAN MAYANG PASIR 7, 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2	: TAN GIM SIEW 11 PERSIARAN MAYANG PASIR 7, 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 8581 : SEMALAA A/P KOMRAVALOO - 77080207**** BLOK H-3-09 LORONG HELANG 1, SUNGAI DUA, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 8601 : NURUL HISHAM BIN MOHD BASRI - 79041007**** NO. 24 JALAN CEPOR INDAH 40, CEPOR INDAH 31200 CHEMOR, PERAK	No Akaun Peminjam	: 8631 : AINI HANA BT MOHAMAD - 80070707**** D'A MOHD SALWADI MAZLAN, SENANDUNG MASHYUR SDN BHD, LADANG JEMORENG 1, C/O POST OFFICE DARO, 96200 DARO, SARAWAK	No Akaun Peminjam	: 8662 : SHAHRUL AMRI BIN MOHAMAD - 79113007****
Penjamin 1	: S. GUNASEELAN A/L SUBRAMANIAM - 54111407**** 354-7-4 LEBUH MACALLUM GAT FLATS 10300 PULAU PINANG	Penjamin 1	: MOHD BASRI B SHAFIE - 5-5072407**** 24 JALAN CEPOR INDAH 40, TAMAN CEPOR INDAH 31200 CHEMOR, PERAK	Penjamin 1	: MOHD ZAKI BIN OTHMAN - 54062207**** 4 LORONG MURNI 5, TAMAN DESA MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: 467 B JALAN MASJID, BATU UBAN, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2	: KRISHNAN A/L RETHINASAMY - 64120507**** NO. 12 TINGKAT MAK MANDIN JAYA 3, TAMAN MAK MANDIN JAYA 13400 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: NORSHITA BT SHAFIE - 59110402**** NO. 1 LORONG PANDAN, RAPAT SETIA, IPOH, 31350 PERAK	Penjamin 2	: MOHD SAIFUDDIN BIN MOHD SALLEH - 54112302**** 1006 MU 8, PERMATANG RAWA 14000 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH	Penjamin 2	: MOHAMAD BIN LAMINGON - 52032101**** 467 B JALAN MASJID BATU UBAN 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 8663 : KHOW LIAN LIAN - 81030407**** NO. 22 LORONG SRI KIJANG 17, TAMAN SRI KIJANG 13200 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: LOH AI TIN - 55040907**** 10-04-11 LINTANG KAMPUNG RAWA 2, HALAMAN DAMAI 10150 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 8704 : WEE SEOW FONG - 80110907**** NO. 24, JALAN LAMAN SETIA 5/11, 81550 JOHOR BAHRU, JOHOR	No Akaun Peminjam	: AWIS KHARNI BIN NURUDDIN - 71021107**** 3C-32-01 TAMAN BUKIT JAMBUL, JALAN RUMBIA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1	: KHOW SWEE GUAN - 75052607**** NO. 22 LORONG SRI KIJANG 16, TAMAN SRI KIJANG 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: CHONG AH MENG - 54061502**** BLOK C-2-11A, RUMAH PANGSA PADANG TEMBAK 11400 AIR ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 2			
Penjamin 2	: KHOW SWEE HUAT - 78052407**** NO. 22 LORONG SRI KIJANG 15, TAMAN SRI KIJANG 14000 BUKIT MERTAJAM						

Design Village, destinasi pelancongan membeli-belah pilihan serantau

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

BUKIT TAMBUN - Design Village - Outlet Mall (Design Village) dekat Bandar Cassia, Batu Kawan yang secara rasminya dibuka pada 23 November lalu diharap akan terus menjadi pemangkin buat Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan membeli-belah pilihan di rantau ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian pembukaan pasar raya besar tersebut di sini.

“Design Village mungkin akan menjadi salah satu destinasi membeli-belah pilihan utama di bahagian wilayah utara Semenanjung Malaysia, dengan kawasan ini mempunyai tадahan besar lebih 5 juta penduduk dari Pulau Pinang dan negeri jiran iaitu Perak, Kedah dan Perlis.”

“Malam ini adalah bersejarah kerana di Bandar Baharu Batu Kawan ini tersgam indah bangunan pusat membeli-belah terkemuka, dengan harapan Design Village akan menjadi pemangkin serta batu loncatan untuk Pulau Pinang terus dikenali sebagai destinasi pelancongan membeli-belah pilihan terbaik untuk semua rakyat Malaysia serta pelancong asing

ke negeri ini,” katanya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya serta wakil pemaju pasar raya tersebut, Pengerusi PE Land, Datuk Jason Tai dan Pengarah Urusannya, James Ling.

Menurut Guan Eng, Design Village mempunyai prospek yang produktif kerana Bandar Baharu Batu Kawan tersebut juga akan menjadi destinasi pemacu pelaburan besar seperti *EcoCity, Paramount, IKEA* dan *Aspen*.

“Saya juga gembira kerana dengan pembukaan Design Village akan menyediakan lebih 1,000 peluang pekerjaan untuk pelbagai bakat dan akan menarik lebih ramai profesional dari industri berkaitan,” jelasnya yang juga ADUN Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.

Difahamkan, kompleks membeli-belah mega dengan luas lantai kira-kira 400,000 kaki persegi bakal menjadi ruang dagangan komersial pelbagai jenama antarabangsa.

Kedudukannya yang begitu strategik, 30 minit perjalanan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) dekat Bayan Lepas dan kira-kira 40 minit



PINTU masuk ke Design Village.

dari bandar raya Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

Upacara tembakan bunga api ke udara sebagai gimik perasmian pembukaan kompleks pasar raya mega Design Village berkaitan disaksikan lebih 1,000 individu daripada kalangan pemimpin Kerajaan Negeri, para tetamu kenamaan serta penduduk setempat Bandar Baharu Batu Kawan.

KM harap SPICE, Kalendar Acara Perdagangan 2017 terus promosi P. Pinang

TANJUNG BUNGA - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap Pulau Pinang akan menjadi hab pameran perdagangan antarabangsa pilihan utama serantau, dengan adanya projek pembangunan bercampur Pusat Konvensyen Antarabangsa Pulau Pinang (SPICE) seluas 2.8 hektar bernilai kira-kira RM300 juta di negeri ini.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Pelancaran Tahun Kelapan Kalendar Acara Perdagangan 2017 di sini baru-baru ini.

“Dengan adanya SPICE, diharap Pulau Pinang bukan sahaja menjadi hab acara dan pameran perdagangan di wilayah utara (Semenanjung Malaysia), bahkan negeri ini menjadi tempat berkembangnya aktiviti ekonomi serta sektor perdagangan untuk Malaysia kelak,” jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah,

Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Hadir sama, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Bukan, Dato’ Abdul Malik Abul Kassim yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

Menurut Guan Eng, Kerajaan Negeri mula mempromosi Kalendar Tahunan Acara Perdagangan sejak Julai 2009.

Menurutnya, Kalendar Acara Perdagangan 2010 diisi dengan 40 acara perdagangan, diikuti 2011 (49), 2012 (52), 2013 (58), 2014 (69), 2015 (112) dan 2016 (176).

“Bagi tahun 2017, sehingga Majlis Pelancaran Kalendar Acara Perdagangan ini, telah diisi 112 acara dan akan berlaku lagi pertambahan acara perdagangan sebelum masuknya tahun 2017 nanti,” jelas Guan Eng.



KETUA Menteri dan Abdul Malik Abul Kassim (berbaju batik) merakam gambar kenangan dengan para pengajur dan peserta yang bakal mengisi Kalendar Acara Perdagangan 2017 pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

P. Pinang sebagai destinasi MICE menjelang 2021

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN - Pulau Pinang mampu dibangunkan sebagai sebuah destinasi pilihan bagi pelbagai acara dan kegiatan perniagaan di peringkat global menjelang 2021.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini bukan sahaja menumpukan ke arah pembangunan modal insan berkemahiran tinggi, malah turut menekankan tiga strategi tonggak utama yang menggerakkan negeri ke arah destinasi pilihan perniagaan global pada masa hadapan.

“Pertamanya, kita (Kerajaan Negeri) membangunkan infrastruktur awam untuk tujuan hospitaliti bagi memastikan kelancaran kegiatan perniagaan termasuk penyediaan fasiliti untuk perkhidmatan.

“Keduanya, pembangunan infrastruktur fizikal seperti penyediaan pusat konvensyen dan perniagaan bagi sektor MICE (persidangan, insentif, konvensyen dan pameran).

“(Dan) ketiga, sistem pengangkutan awam yang bersepadan dan efisien termasuk jalan raya yang menghubungkan pusat konvensyen dan perniagaan.

“Ketiga-tiga strategi ini adalah untuk melihat Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan bagi konvensyen,

pameran dan perniagaan,” ucapnya pada perasmian BE @Penang 2016 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ Abdul Malik Abul Kassim dan Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Penang Convention & Exhibition Bureau (PCEB), G. Ashwin dan wakil Malaysian Association of Hotels (MAH), Tony Goh.

Tambah Guan Eng, Kerajaan Negeri kini giat menyempurnakan pusat konvensyen bertaraf dunia, Subterranean Penang International Convention and Exhibition (SPICE) yang terletak di Bayan Baru.

“Pusat konvensyen yang menelan kos RM300 juta itu bakal siap sepenuhnya menjelang Mac 2017, walaupun masih belum disempurnakan, SPICE sudahpun menerima tempahan penuh untuk tahun hadapan.

“(Dan) satu lagi pusat konvensyen dan pameran pesisir pantai akan siap menjelang tahun 2021 bagi menampung keperluan dan permintaan industri di negeri ini,” jelasnya.

BE @Penang 2016 merupakan inisiatif PCEB dan Kerajaan Negeri untuk menjadi pemangkin bagi memanfaatkan usaha kolektif yang dilaksanakan pemain industri dan negeri dalam memastikan Pulau Pinang sentiasa berdaya saing dan maju.

P. Pinang sasar 20,000 lampu jalan cekap tenaga menjelang 2020

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : SYARAFANA ALI ASGAR

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri mensasarkan untuk menukar 20,000 unit lampu jalan konvensional kepada jenis diod pemancah cahaya (LED) di seluruh Pulau Pinang menjelang 2020.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, inisiatif tersebut bakal membabitkan kerjasama antara pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bersama-sama syarikat yang bakal dilantik melalui satu perjanjian.

"Syarikat yang bakal dilantik akan bertanggungjawab untuk menggantikan lampu sedia ada kepada jenis LED.

"Projek ini bukan sahaja akan meningkatkan pencahayaan, tetapi kos tenaga yang digunakan dapat dikurangkan kepada hampir 50 peratus dan usaha ini akan mengurangkan pelepasan kesan karbon."

"Kita (PBT) akan memulakan pelaksanaan ini secara berperingkat bermula tahun hadapan (2017).

"Oleh itu, pada tahun 2020, Kerajaan Negeri akan mempunyai sejumlah 20,000 unit lampu LED di seluruh negeri," ujarnya selepas sidang media pengumuman Program Earth Hour 2017 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya MBPP, Dato' Ir Ang Aing Thye, Ketua Penolong



CHOW Kon Yeow (dua dari kanan) bersama-sama Ang Aing Thye (tiga dari kanan), K. Vishanthini (dua dari kiri) dan R. Sundari (tiga dari kiri) merakamkan gambar kenangan selepas sidang media pengajuran Program Earth Hour Night Walk 2017 di sini baru-baru ini.

Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, K. Vishanthini dan Pengarah Pemuliharaan WWF-Malaysia, Dr. R. Sundari.

Menurut Kon Yeow, selaras dengan pendirian Kerajaan Negeri untuk mengatasi perubahan iklim, beberapa dasar inisiatif hijau turut akan dilaksanakan menjelang 2020.

"Selain menukar lampu jalan sedia ada kepada

jenis LED, Kerajaan Negeri juga meletakkan harapan agar semua pejabat dan agensi di bawah kita (Kerajaan Negeri) akan memperoleh status Pejabat Hijau pada tahun 2020.

"Malah, kadar kitar semula Pulau Pinang disasarkan mencecah 50 peratus berbanding kini, 36 peratus," ujarnya merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Dalam pada itu, WWF-Malaysia kini

membuka pendaftaran untuk peserta Program Earth Hour Night Walk 2017 yang akan berlangsung pada 25 Mac 2017.

Sesiapa yang berminal boleh mendaftar menerusi laman sesawang pandashop.my/earthhour2017 dengan yuran pendaftaran sebanyak RM65. Peserta akan menerima sehelai T-shirt organik dan medal yang diperbuat khas daripada sisa kayu yang dikitar semula.

P. Pinang antara 3 negeri perintis bangunan hijau dalam negara

GEORGE TOWN - Pulau Pinang merupakan antara negeri pertama di utara Semenanjung Malaysia yang menjadi pelopor industri hijau dalam negara.

Kenyataan itu dinyatakan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow ketika hadir merasmikan *Malaysia Green Building Confederation (MGBC) Northern Chapter Roadshow 2016* di Persiaran Karpal Singh di sini baru-baru ini.

Menurutnya, **Pulau Pinang merupakan antara tiga negeri di Malaysia yang mempunyai bangunan berstatus hijau terbanyak dalam negara selepas Kuala Lumpur dan Selangor.**

"Daripada keseluruhan jumlah bangunan hijau di Malaysia, 10 peratus daripadanya berada di sini (Pulau Pinang).

"Dalam usaha mempromosi dan menggalakkan pembangunan hijau, Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang memberikan Insentif Hijau secara rebat ke atas caj pembangunan untuk bangunan yang memperoleh penarafan emas atau platinum oleh Indeks Bangunan Hijau (GBI)," ujar beliau kepada pemberita pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Pengarah Kawalan Bangunan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ar. Yew Tung Seang, Presiden MGBC Malaysia, Ir. Ahmad Izdihar Supta dan Pengurus MGBC Wilayah Utara, Datuk Ar. Lawrence Kwang.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu, bagi merealisasikan hasrat melestarikan alam sekitar, Kerajaan Negeri melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) sentiasa bekerjasama erat bersama-sama MGBC bagi mereka bentuk

bangunan mampan dalam usaha mengurangkan kesan terhadap alam sekitar.

"Saya difahamkan, Pulau Pinang juga merupakan perintis kepada beberapa projek pembangunan di Malaysia seperti Pasar Chowrasta

yang merupakan pasar pertama yang dibina dan mendapat pengiktirafan GBI di dalam negara.

"Selain itu, Hotel Penaga yang terletak di dalam kawasan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town telah diberikan penarafan emas

pada tahun 2012 dan *Chelliah Park City* merupakan rumah mampu milik pertama yang akan mendapat pengiktirafan di bawah GBI," ujarnya yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

TAWARAN PENGECAULIAN FAEDAH BAGI SEMUA PEMINJAM PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Mulai 1 Oktober 2016 hingga 31 Disember 2016

Kerajaan Negeri Pulau Pinang menawarkan pengecaulian faedah bagi peminjam-peminjam yang bersetuju menyelesaikan keseluruhan baki pinjaman atau tunggakan pinjaman secara sekaligus (*Lump Sum*).

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut sila hubungi Pentadbiran ini seperti di bawah :

Alamat:
Unit Pinjaman Penuntut
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang
Tingkat 29, KOMTAR
10503 PULAU PINANG

Telefon: 04-6505165 / 5391 / 5599 / 5627
Faks: 04-2613453
Email: farahhanim@penang.gov.my
rizalazli@penang.gov.my
roos@penang.gov.my

Izzat pemenang utama cabutan bertuah PBIM 2016

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI

Gambar : ALISSALA THIAN

PANTAI JEREJAK - Pelajar jurusan perubatan dari Kelantan, Muhammad Izzat Yusof, 25, menyifatkan acara Asics Penang Bridge International Marathon 2016 (PBIM) mencoret kenangan teristimewa dalam sejarah hidupnya.

Apakan tidak, beliau merupakan pemenang utama hadiah cabutan bertuah pada penganjuran berkaitan di sini baru-baru ini.

Kemenangan tersebut membolehkan beliau membawa pulang sebuah kereta model Proton terbaru, Ertiga.

“Sebenarnya saya hampir pulang pada waktu itu, tiba-tiba saya dengar panggilan nombor macam ‘kenal’, saya terus berlari menghampiri pentas utama untuk menerima kereta tersebut.

“Perasaan sungguh teruja dan terharu. Saya berhasrat menghadiahkan Ertiga kepada

orang tua saya di kampung... tambahan pula kereta yang ada sekarang agak sudah lama,” katanya kepada Buletin Mutiara.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas bersama-sama dengan Timbalan Pengerusi PBIM, Datuk Syed Mohd. Aidid Syed Murtaza.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dan Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang.

Penganjuran PBIM tahun ini menyaksikan 38,000 peserta dari 85 negara termasuk Malaysia mengambil bahagian.

Bagi tahun 2017, PBIM bakal berlangsung pada 26 November dan pendaftaran dibuka seawal Mac 2017.



IZZAT Yusof bergambar kenangan bersama kereta dimenangginya.



SEBAHAGIAN pemenang menunjukkan trofi masing-masing bersempena penganjuran PBIM 2016 di sini baru-baru ini.

P. Pinang tuan rumah Asia Pacific Masters Games 2018

GEORGE TOWN - Pulau Pinang menjadi tuan rumah sulusung di rantau Asia Tenggara untuk penganjuran Asia Pacific Masters Games 2018 dengan Kerajaan Negeri memperuntukkan RM4.5 juta untuk kejohanan antarabangsa tersebut, selain RM1 juta lagi dari Malaysia Major Events Division (MME).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, penganjuran kejohanan itu nanti diharap akan memberi kesan berganda (*multiplier effect*) lebih RM10 juta kepada sektor pelancongan serta aktiviti ekonomi di negeri ini.

“Pelancongan sudah pasti merupakan salah satu enjin penggerak ekonomi Pulau Pinang.

“Kami (Kerajaan Negeri) jangka akan dapat mengutip sekira RM2 juta daripada pendaftaran dan pakej yuran, manakala subpengangur lain digalakkkan untuk mencari tajaan bagi tempat (penginapan) masing-masing,” jelasnya pada majlis menandatangani usahasama penganjuran kejohanan tersebut, di sini baru-baru ini.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng mewakili Kerajaan Negeri dalam majlis tandatangan usahasama itu bersama-sama Ketua Pegawai Eksekutif International Masters Games Association (IMGA) sebagai pihak tuan rumah pengangur antarabangsa serta Pengurus Besar MME, Tony Nagamaiah, mewakili Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB) langsung di bawah MME.

Turut menyaksikan, Presiden Majlis Olimpik Malaysia (OCM)



CHONG Eng (dua dari kiri) dan Tony Nagamaiah (kanan sekali) bertukar-tukar dokumen perjanjian sambil disaksikan Ketua Menteri serta Tuanku Tan Sri Imran Ibni Al-Marhum Tuanku Ja'afar Al-Haj (dua dari kanan) pada majlis pemeteraian usahasama penganjuran Asia Pacific Masters Games 2018 di sini baru-baru ini.

Y.A.M Tuanku Tan Sri Imran Ibni Al-Marhum Tuanku Ja'afar Al-Haj yang juga anggota International Olympic Council (IOC), Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Dato' Seri Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri) serta wakil kepada Menteri Pelancongan Datuk Seri Mohd. Nazri Aziz.

Ketika berucap, Tuanku Tan Sri Imran turut melahirkan harapan bahawa kejohanan tersebut akan membawa lebih ramai pengunjung tempatan serta pelancong asing untuk menikmati keindahan nilai warisan bersejarah yang terdapat di Pulau Pinang, khususnya Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

Nada sama turut dikongsikan oleh

ucapan alu-aluan, sebagai negeri ‘tuan rumah’.

“Kira-kira 22 acara akan dipertandingkan seperti bola sepak, badminton, olahraga, hoki, ping pong, maraton, bola tampar, skuasy, lumba basikal, bola keranjang, tenis, bot naga, bola jaring, wushu, renang, ragbi, karate, tenpin boling, golf, menembak dan sebagainya.

“Melalui penganjuran sulusung Asia Pacific Masters Games yang akan berlangsung di Pulau Pinang pada tahun 2018, kita (Kerajaan Negeri) akan memberi tumpuan untuk menarik seramai mungkin penyertaan daripada benua Asia dan negara-negara jiran Malaysia, seperti Australia.

“Kita jangka akan menerima kira-kira 5,000 penyertaan, (termasuk) 3,000 penyertaan antarabangsa.

“Saya percaya dengan komitmen Kerajaan Negeri serta sokongan persatuan sukan seperti MSN (Majlis Sukan Negeri), KBS (Kementerian Belia & Sukan), OCM, IMGA dan PGT (Penang Global Tourism) dan Tourism Malaysia, kita boleh menjadikan acara ini suatu kejayaan yang tidak dapat dilupakan,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang.

Difahamkan, Asia Pacific Masters Games merupakan kejohanan acara sukan pelbagai yang dianjurkan empat tahun sekali, melibatkan penyertaan mereka yang berusia 35 tahun dan ke atas.

Kali pertama kejohanan itu dianjurkan pada tahun 1985 di Toronto, dekat Canada dan Pulau Pinang menjadi tuan rumah pertama di Asia Tenggara pada tahun 2018.

TABUNG USAHAWAN TANI MUDA NEGERI PULAU PINANG

BORANG-BORANG BOLEH DIDAPATI DI:

JABATAN PERTANIAN +04-537 2142 JABATAN PERIKANAN +04-657 2777 JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR +04-508 4368

PELUANG PERNIAGAAN Halal?

Anjuran:

PIHH
HALAL PENANG



حلال
PIHEC2017

8th **PENANG**
INTERNATIONAL
Halal Expo
& Conference

Tarikh & Tempat

**24 - 26 FEBRUARI
2017**

Spice Arena, P.Pinang

Diskaun 20 %!!

TEMPAH BOOTH

ANDA SEKARANG!

Dapatkan Diskaun Tempahan Awal*

* Sebelum 30 November 2016



HUBUNGI KAMI : SEKRETARIAT PIHEC 2017, Tingkat 44, KOMTAR 10503, P.Pinang
T: +604-262 5444 | F: +604-263 5444 | E: pihec@halalpenang.com

PihecEvent www.pihec.com.my

SPICEC harap mampu promosi destinasi eko-pelancongan Seberang Perai - Maimunah

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

PERSIDANGAN Antarabangsa Seberang Perai Untuk Eko-Pelancongan Dan Usaha-Usaha Memulihara Alam 2016 (SPICEC 2016) baru berlangsung pada 24 November.

Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif berharap persidangan antarabangsa yang buat julung-julung kali dianjurkan itu mampu mempromosikan beberapa destinasi eko-pelancongan di bahagian Seberang Perai.

"Objektif persidangan ini antaranya untuk mewujudkan ruang kepada para peserta industri, agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk saling berkongsi pandangan, idea-idea dan strategi bagi menggalakkan industri eko-pelancongan serta usaha-usaha pemuliharaan dalam eko-pelancongan itu sendiri."

"Semua peserta persidangan antarabangsa ini turut akan dibawa melawat beberapa tapak eko-pelancongan di Daerah Seberang Perai Utara (SPU) seperti Hutan Pendidikan Air Hitam Dalam dan Pasar Bisik; dan di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) pula seperti Pulau Burung dan Jeti Batu Musang," ujarnya dalam persidangan itu.

Menurut Maimunah, persidangan berkenaan adalah selari dengan Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2012 yang menekankan bahawa industri eko-pelancongan mempunyai kesan yang positif dalam meningkatkan pendapatan, mewujudkan peluang pekerjaan dan pendidikan dalam usaha menangani masalah kemiskinan serta kebuluran.

"Dalam persidangan ini, para pembentang kertas kerja yang berpengalaman luas dalam bidang eko-pelancongan akan berkongsi pengetahuan dan kepakaran masing-masing."

"Dengan peningkatan jumlah para pelancong secara mendadak di rantaui Asia Tenggara belakangan ini, persidangan ini merupakan satu langkah tepat untuk mengetengahkan pendapat dan pengalaman para penggiat industri eko-pelancongan ke dalam forum antarabangsa," jelasnya.

Pengarah Local Government for Sustainability (ICLEI) Asia Tenggara, Vic Aquitania, Datuk Seri Mirza Mohamad Taiyib (Ketua Pengarah Tourism Malaysia), Dr. Dzaeman Dzulkifli (Pengarah Eksekutif Tropical Rainforest Conservation & Research Centre, Malaysia), Prof. Dr. Badaruddin Mohamed dan Dr. Foong

Swee Yeok (ahli akademik Universiti Sains Malaysia, USM) serta Andrew Sebastian (Pengasas Bersama & Ketua Pegawai Eksekutif Ecotourism & Conservation Society of Malaysia, ECOMY) antara pembentang dalam persidangan tersebut.

Pembentang lain, antaranya Ahli Jawatankuasa Eksekutif & Pengasas Bersama Asia Bird Fair Network dari Taiwan, Victor Yu, Peter Cornthwaite (Ketua Pegawai Eksekutif World Wildlife Federation dari Hong Kong), Ted Flyod (Editor Bird Magazine, American Birding Association dari Amerika Syarikat), Ary Suhandi (Pengarah Eksekutif Indonesia Ecotourism Network) dan Prof. Madya Dr. Parichart Visuthismajarn (ahli akademik Prince of Songkhla University).

"Para penceramah berkongsi ilmu dan pengalaman mengenai eko-pelancongan di rantau Asia Tenggara, usaha-usaha pemuliharaan alam

burung, termasuk menjadi salah satu destinasi pilihan utama burung hijrah.

Menurut wakil MPSP, kebiasaannya burung hijrah tersebut akan tiba di kawasan ini sekitar bulan Oktober hingga Jun, saban tahun.

"Pelancong eko-pelancongan tahu bilakah burung hijrah paling kerap hijrah di sini."

"Melihat potensi eko-pelancongan di Hutan Pendidikan Air Hitam Dalam, terdapat pelbagai kemudahan untuk pelancongan eko-pelancongan seperti menara tinjau, jambatan gantung dan laluan pejalan kaki di atas kawasan paya air tawar ini," jelas wakil pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan kepada pemberita dalam lawatan berasingan baru-baru ini.

PASAR BISIK

Pasar Bisik dekat Penaga terkenal, menjadi simbol perkongsian budaya niaga nelayan antara dua sempadan negeri, Pulau Pinang dan Kedah.

Lawatan ke sini menyaksikan suasana pasar tradisional dengan aktiviti jual beli hasil laut secara laungan harga.

Menurut naratif penduduk tempatan, saling berbisik antara penjual dan pengunjung pasar ini sebenarnya adalah proses tawar-menawar harga jualan hasil laut.

"Selalunya, dibisikkan 'tambah RM1' akan disebut oleh pembeli pada harga yang diniatkan oleh penjual, jika saling bersetuju barulah akan jual beli dilakukan," jelasnya.

Tambahnya, pasar ini paling sesuai dilawati pada lewat pagi, bagi mendapatkan pelbagai hasil laut yang segar langsung daripada tangan nelayan tempatan.

PULAU BURUNG

Sesuai dengan namanya, di sinilah salah satu lagi destinasi pilihan burung hijrah daripada pelbagai pelusuk dunia.

Bagi peminat burung, khususnya burung hijrah, Pulau Burung adalah kawasan yang paling menarik di Seberang Perai untuk dilawati.

DELEGASI ketika dibawa menjelajah Hutan Pendidikan Taman Air Hitam Dalam untuk menikmati potensi eko-pelancongan di sini.

melalui industri eko-pelancongan dan bagaimana budaya terkini meninjau burung (bird watching) boleh menjadi produk pelancongan terbesar dalam industri eko-pelancongan Seberang Perai," ujarnya sebelum membawa para SPICEC 2016 melawat empat destinasi eko-pelancongan sekitar SPU dan SPS.

HUTAN PENDIDIKAN AIR HITAM DALAM

Berkeluasan 11 ekar, kawasan paya air tawar berkenaan merupakan habitat kepada lebih 150 spesies

SEEKOR helang yang sempat dirakamkan lensa Buletin Mutiara ketika melawat Pulau Burung dekat SPS.



BERBISIK, merupakan keunikan budaya tawar-menawar harga ikan antara nelayan dan pengunjung di Pasar Bisik.

jeti ini, manakala RM3.8 juta lagi dana lain daripada Kementerian Pelancongan Malaysia.

"Jeti ini sangat penting kerana penduduk setempat terlibat dalam menyediakan perkhidmatan bot ke kawasan pelancongan Pulau Aman, beroperasi sejak tahun 2006 lagi," jelasnya.

Menurut naratif seorang penduduk tempatan Pulau Aman sendiri, Jeti Batu Musang dahulunya turut digunakan untuk mengangkut batu kuari dengan menggunakan tongkang, untuk pembangunan Pulau Pinang.

"Pengunjung bukan sahaja berpeluang melawat destinasi eko-pelancongan dengan suasana pesisiran pantai, malah juga dapat melihat budaya masyarakat Melayu pulau yang berasal dari Pulau Aman, jika menyeberang dengan bot dari Jeti Batu Musang ini."

"Jika ke Pulau Gedung Ubat, kedudukannya bersebelahan Pulau Aman, peminat eko-pelancongan bukan sahaja boleh merasai pengalaman merentas hutan dara yang indah, malah boleh melihat sendiri tempat simpan peluru dan bahan letupan dipercayai tinggalan bersejarah era kolonial dahulu," seloroh seorang penduduk asal di sini.



NELAYAN-nelayan yang tiba di persisir pantai Pasar Bisik dekat SPU.

Hari Keluarga MBPP, erat ukhwah antara kakitangan



SALAH satu aktiviti menarik yang diadakan pada sambutan Hari Keluarga MBPP 2016.



AKSI Chow Kon Yeow (depan sekali) dalam acara tarik tali.

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : ALISSALA THIAN

GEORGE TOWN – Walaupun sederhana, tapi meriah! Lebih 1,000 kakitangan bersama-sama ahli keluarga masing-masing memeriahkan sambutan Hari Keluarga Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) 2016 yang diadakan di Taman Bandaraya di sini pada 3 Disember lalu.

Program saban tahun tersebut adalah sebagai menghargai sumbangan kakitangan MBPP serta mengeratkan hubungan silaturahim, ukhwah dan kemesraan di antara satu sama lain dalam suasana yang lebih santai dan menyeronokkan.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail dalam ucapannya menyeru warga kerja MBPP supaya terus memberi sepenuh komitmen terhadap tanggungjawab diamanahkan serta

berusaha untuk meningkatkan keupayaan, kecekapan dan kepakaran kerja dengan melaksanakan nilai-nilai murni.

“Penganjuran aktiviti seperti ini bukan sahaja memberi ruang dan peluang kepada semua warga MBPP untuk berkumpul dalam satu majlis, tetapi mengeratkan lagi hubungan kemesraan di antara kita tanpa mengira kaum dan kedudukan.

“Diharap penganjuran ini mampu memberi impak positif ke arah pengukuhan dan pemantapan semangat kerjasama antara warga Majlis dan seterusnya melahirkan semangat keluarga yang erat,” ujarnya.

Hadir menyempurnakan majlis perasmian, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

Pelbagai acara dijalankan antaranya senamrobik, tarik tali, berjalan menggunakan

tayar dan cabutan bertuah.

Selain itu, komitmen serta pengorbanan Pasukan Skuad Pantas MBPP dalam menangani kejadian bencana yang melanda

Pulau Pinang baru-baru ini memperoleh perhatian sewajarnya apabila mereka menerima anugerah penghargaan khas berbentuk sijil daripada pihak pengurusan.

Tubuh unit arif OSHA demi keselamatan kakitangan, saran Ahli Majlis

PADANG KOTA - Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ahmad Azrizal Tahir menyarankan supaya pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit merangka pelan menyeluruh berhubung penubuhan unit yang ‘arif’ mengenai Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (OSHA) selaras dengan Akta Keselamatan Pekerja 1994.

Katanya, penubuhan unit tersebut adalah amat penting dalam meminimumkan risiko kecederaan serta masalah kesihatan kakitangan MBPP di lapangan mahupun pejabat.

“Semua jenis kemalangan akan menyebabkan kerugian dari segi kos kewangan dan kos buruh. Kos-kos ini harus diminimakan terutama sekali kos buruh bagi memastikan hasil dicapai bukan sahaja dari segi kewangan, malah tenaga kerja yang efisien.

“Adakalanya, kita ternampak beberapa pekerja di lapangan tidak mengenakan peralatan-peralatan keselamatan yang betul, jadi ianya jelas mampu mengancam keselamatan pekerja dan orang awam,” ucapnya di Majlis Mesyuarat Biasa MBPP Bilangan 11 Tahun 2016 di Dewan Bandaraya di sini baru-baru ini.

Tambah Ahmad Azrizal, selain keselamatan kakitangan di lapangan, MBPP juga harus menerapkan cara kerja



AHMAD Azrizal Tahir.

yang sihat di pejabat.

“Justeru, MBPP juga perlu melihat ergonomik sebagai subjek, iaitu ilmu penerapan yang menyeraskan pekerjaan dengan tujuan mencapai produktiviti serta efisiensi,” ujarnya.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, melalui OSHA, kecederaan, mahupun kemalangan dapat dikurangkan lantas menjadikan produktiviti MBPP berada pada tahap yang terbaik.



GOLONGAN kanak-kanak terhibur dengan aksi badut yang didatangkan khas.

MPSP didik umum realisasi Seberang Perai Menuju Sifar Anjing Terbiar

Teks & Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

SEBERANG JAYA – Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif berharap penganjuran Karnival Haiwan Kesayangan baru-baru ini dapat merealisasikan Seberang Perai Menuju Sifar Anjing Terbiar.

Katanya, karnival bertemakan *Love Your Paws* merupakan salah satu fokus di bawah aspek Pengurusan Undang-undang MPSP.

“Aduan mengenai haiwan kesayangan berkeliaran di tempat-tempat awam masih lagi pada tahap membimbangkan dan hasil pemeriksaan (berdasarkan aduan) mendapat bahawa ramai pemilik tidak arif serta tidak mempunyai pengetahuan berkaitan undang-undang serta cara pemeliharaan mengikut kaedah yang betul.

Justeru, menerusi penganjuran ini, MPSP telah merangka satu fokus yang dilihat dapat menangani isu terbabit,” katanya pada penganjuran berkaitan di sini baru-baru ini.

Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud turut



MAIMUNAH Mohd. Sharif (bertudung jingga) dan Sr. Rozali Mohamud memerhatikan gelagat seekor kucing peliharaan pada penganjuran Karnival Haiwan Kesayangan di sini baru-baru ini.

hadir pada karnival itu.

Menurut Maimunah, sehingga November 2016, sebanyak 3,772 anjing ditangkap pihak MPSP membabitkan lokasi di seluruh Seberang Perai.



AKSI salah seorang pengunjung memegang seekor ular ular jenis *California King Snake* pada pameran haiwan eksotik.

“Diperlukan, majoriti haiwan yang berkeliaran di tempat awam terutamanya anjing peliharaan, adalah yang dibuang pemilik tidak bertanggungjawab.

“Justeru, di sini MPSP dengan kerjasama Universiti Malaysia Kelantan (UMK) turut menjalankan program pemandulan anjing selain suntikan vaksin dengan harga terendah untuk orang ramai,” jelasnya.

Selain pameran haiwan kesayangan, program *Dog & Cat Adoption*, pameran baka kucing tercantik, pameran haiwan eksotik oleh Jabatan Perhilitan, kuiz haiwan kesayangan, program jualan peralatan dan makanan haiwan peliharaan serta demonstrasi Unit Anjing K9 oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut diadakan.

YDP perjelas isu berbangkit MPSP dalam Laporan Ketua Audit Negara

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB

SEBERANG JAYA – Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif memberi respons berhubung isu tempoh permohonan lesen premis perniagaan yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan adalah tidak munasabah, sebagaimana dinyatakan dalam Laporan Ketua Audit Siri Dua Tahun 2015.

Mengulas lanjut, Maimunah menjelaskan isu berbangkit itu berpunca oleh penanda aras utama (KPI) antara pihak Jabatan Audit Negara Pulau Pinang dan MPSP adalah berbeza.

“KPI yang digunakan oleh MPSP bagi pengeluaran lesen adalah dikira bermula dari tarikh penerimaan borang permohonan lengkap hingga tarikh kelulusan YDP bagi lesen tidak berisiko, dan dari tarikh penunaian syarat hingga tarikh kelulusan YDP bagi lesen berisiko.

“Pada Jabatan Audit Negara, apabila pelanggan menghantar permohonan kepada pihak kita (MPSP), itu dikira hari pertama permohonan lesen premis lesen perniagaan itu perlu diurus walaupun jika ada syarat permohonan tidak lengkap itu daripada pelanggan itu sendiri,” jelasnya pada sidang media selepas mempergerusikan Mesyuarat Penuh Majlis

di Kompleks Ibu Pejabat MPSP di sini baru-baru ini.

Selain itu, Maimunah memberitahu bahawa dasar baharu MPSP yang menghalang pembaharuan lesen atau permit sedia ada serta kelulusan permohonan baharu mengakibatkan kutipan hasil lesen tidak mencapai anggaran yang ditetapkan.

“MPSP membuat perubahan dasar sedia ada kepada dasar yang lebih fleksibel dan memudahkan permohonan,” responsnya.

Beliau dalam pada itu turut menyatakan maklum balas lanjut mengenai isu premis perniagaan beroperasi tanpa lesen, sebagaimana dinyatakan dalam Laporan Ketua Audit Negara sama.

“Untuk premis perniagaan beroperasi tanpa lesen, Jabatan Audit Negara telah mengelaskan perniagaan yang beroperasi tanpa lesen mengikut kategori peniaga yang tidak membuat permohonan lesen premis perniagaan, peniaga tidak memperbaharui lesen dan permohonan lesen tidak diluluskan oleh MPSP.

“MPSP telah menguatkuasakan pengawasan dan pemantauan ke atas premis-premis mengikut jadual yang disediakan

“Malah, MPSP turut akan memperbaiki mutu pengurusan kompaun serta pengurusan Sistem E-Lesen yang dinyatakan kurang memuaskan dalam Laporan Jabatan Ketua Audit Negara Pulau Pinang itu,” ujar Maimunah.

Kelulusan lesen Pusat Makanan Law Yew bersifat sementara - YDP

SEBERANG JAYA – Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata, pelan permohonan kebenaran merancang Pusat Makanan Law Yew dekat Jalan Rozhan yang diluluskan adalah bersifat sementara dalam tempoh tiga tahun sahaja.

Ujarnya, kelulusan itu adalah kerana Kerajaan Negeri menangguhkan cadangan pengambilan balik tapak tanah bernombor Lot 1365 Mukim 15 dekat Bukit Mertajam tersebut.

“Pihak pemaju tidak akan menuntut ganti rugi atau kos-kos tambahan terhadap struktur bangunan gerai yang dibina di atas tapak cadangan, sekiranya Kerajaan Negeri ingin mengadakan pengambilan balik tanah pada masa hadapan.

“Pemohon dibenarkan memperbaharui lesen setiap tahun sehingga tahun 2019 sahaja, lesen tidak akan diperbaharui selepas

tahun 2019,” demikian maklum balas Maimunah kepada pemberita, selepas Mesyuarat Penuh Majlis di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Maimunah memberitahu, pemaju projek tersebut turut dikehendaki membayar fi kebenaran merancang tambahan sebanyak RM7,731 memandangkan kerja-kerja pemajuan telah pun dilaksanakan di tapak berkenaan.

“Terdahulu, punca permohonan pelan kebenaran merancang projek ini tidak diluluskan adalah disebabkan pemaju gagal mengemukakan pelan tunai syarat yang dikehendaki oleh jabatan teknikal pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam tempoh yang ditetapkan.

“Disebabkan hasrat Kerajaan Negeri itu ditangguhkan baru-baru ini, pemaju terbabit diberikan kelulusan lesen sementara mulai 21 Oktober 2016 dalam tempoh tiga tahun sahaja,” jelas beliau.

ADUN seru PBT & syarikat utiliti wujudkan koordinasi kerja turap jalan

Teks & Gambar : WATAWA NATAF ZULKIFLI

PAYA TERUBONG – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin menyumbang sejumlah RM10,000 melalui peruntukannya sebagai wakil rakyat bagi pelaksanaan projek penurapan jalan sekitar Paya Terubong.

Soon Hin ketika ditemui berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) seperti Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan syarikat-syarikat utiliti berwajib perlu mewujudkan koordinasi kerja dalam pelaksanaan sesuatu projek penurapan jalan bagi melancarkan pelaksanaan projek-projek berkaitan.

“Jika kita lihat ada di sesetengah lokasi, jalannya telah diturap oleh JKR ataupun MBPP, selepas beberapa bulan, kadang-kala syarikat utiliti akan mengorek semula di lokasi sama.

“Hal sebegini hanya akan mengakibatkan jalan menjadi tidak sekata, justeru, pihak-pihak berkepentingan perlu duduk dan berbincang terlebih dahulu kerana rakyat akan menanggung kesulitan apabila berlakunya kerosakan pada jalan tersebut,” katanya ketika melawat tapak projek penurapan jalan sekitar Paya Terubong di sini baru-baru ini.

Antara lokasi yang dilawati ialah Taman GL, Kampung



YEOH Soon Hin (tengah) bersalaman dengan salah seorang penduduk Kampung Paya Terubong Tengah sambil ditemani Frankie Kee pada sesi lawatan beliau di sini baru-baru ini.

Paya Terubong Tengah dan Desa Permata.

Turut sama, Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Paya Terubong, Frankie Kee.



RUPA bentuk jalan sebelum dan selepas diturap.

Riuh-rendah majlis berkhatan DUN Batu Maung

PROGRAM BERKHATAN BATU MAUNG... Gelagat 40 kanak-kanak yang ketakutan bercampur keriangan jelas mewarnai suasana majlis berkhatan anjuran Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Malik Abul Kassim.

Program yang dijalankan di Sekolah Agama Rakyat (SAR) Permatang Damar Laut tersebut merupakan anjuran tahun keenam khas kepada penduduk di sini.

“Ini salah satu program tanggungjawab korporat sosial (CSR) yang saya jalankan bersama sahabat yang juga seorang doktor dengan tidak mengenakan apa-apa bayaran,” kata Abdul Malik kepada Buletin Mutiara pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.



ABDUL Malik Abul Kassim bergambar bersama-sama kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam Majlis Berkhatan Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Maung di sini baru-baru ini.

300 pelajar terima sumbangan kelengkapan sekolah ZPP



MOHD. Tuah Ismail (kiri se kali), Halil Sabri Hamid (barisan belakang, tengah) dan Abdul Halim Hussain (kanan se kali) bersama-sama bersera dengan beberapa pelajar pada Majlis Penyerahan Bantuan Persekolahan oleh ZPP di sini baru-baru ini.

SUMBANGAN SEKOLAH... Seramai 300 murid sekitar Balik Pulau baru-baru ini menerima barang kelengkapan sekolah sesi 2017 sumbangan Zakat Pulau Pinang (ZPP).

Antaranya, kemeja, seluar, baju kurung, kain, tudung, kasut dan beg.

Hadir menyampaikan sumbangan-sumbangan berkaitan, Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid; PPK Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail; Timbalan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Abdul Halim Hussain dan Pengurus Besar ZPP, Azman Abdul Somat.

Menurut Halil Sabri, bagi tahun 2016, pihak ZPP memperuntukkan RM1.1 juta bagi bantuan kelengkapan persekolahan seluruh Pulau

Pinang.

“Jumlah tersebut bersamaan dengan 7,600 penerima (murid) seluruh negeri.

“Nama-nama tersebut dikumpulkan oleh guru-guru sekolah berdasarkan pendapatan ibu bapa, termasuk saiz pakaian,” jelasnya pada Majlis Penyerahan Bantuan Persekolahan oleh ZPP dekat Pusat Latihan Zakat (PULAZA) Pantai Aceh, Balik Pulau, baru-baru ini.

Halil Sabri dalam itu berharap sumbangan berkaitan sedikit-sebanyak mampu meringankan beban ibu bapa yang berpendapatan rendah.

“Malah, kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pembayar-pembayar zakat yang menunaikan tanggungjawab melalui ZPP,” kata beliau.

100 sertai majlis berkhatan anjuran ADUN Seberang Jaya



DR. Afif Bahardin (bervest perang) bergambar bersama-sama kanak-kanak yang dimandikan di Kompleks Kolam Renang Awam Seberang Jaya bersempena Majlis Berkhatan Peringkat KADUN Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Teks & Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

SUBURKAN ACARA TRADISI BERKHATAN...

Sempena musim cuti sekolah, 100 kanak-kanak menyertai Majlis Berkhatan Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seberang Jaya baru-baru ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin yang juga doktor perubatan bersama-sama lima doktor lain dari Klinik Mama Dr. Hafidz Rizal, Kelantan menyempurnakan ibadah khatan peserta berusia antara empat hingga 11 tahun.

"Para peserta tidak dikenakan bayaran dan segala kos ditanggung oleh pusat khidmat saya sendiri," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya kepada pemberita di Masjid Jamek Seberang Jaya di sini.

Afif memberitahu, program komuniti tersebut dianjurkan saban tahun sejak 2014.

Acara warisan memandikan semua 100 peserta berkhatan secara beramai-ramai dan terbuka diadakan di Kompleks Kolam Renang Awam Seberang Jaya, sebelum diarak ke tempat ibadah 'bersunat' di Masjid Jamek Seberang Jaya.

PENANG HOT AIR BALLOON FIESTA 2017

4 & 5 FEBRUARY AT PADANG POLO PENANG

	Balloon activities
	Morning
	7.30am - 10.30am
	Other activities
	7.00am - 9.30pm
	Balloon activities
	Evening
	6.00pm - 9.00pm

All event information is correct at time of print and is subject to change without prior notice.
Balloon activities are subject to weather conditions.

For more info
www.penanghotairballoonsfiesta.com
info@penanghotairballoonsfiesta.com FB: Penang Hot Air Balloon Fiesta

Supported by

Organiser Co-organiser
my penang 2017 where the excitement never ends



The TOP, The Habitat kini dibuka, JOM!



KETUA Menteri, Mohamed Nazri Abdul Aziz (kanan sekali) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri ketika berjalan melalui *observation deck* The TOP.

DUA produk pelancongan terbaru negeri masing-masing membuka tirai pada 17 dan 18 Disember lalu.

The TOP @ Komtar (The TOP) merupakan pusat tema tertutup dan terbesar negeri yang menyinari kembali bangunan tinggi lebih 60 tingkat Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) yang merupakan mercu tanda kemegahan warga Pulau Pinang.

“Hari ini adalah hari bersejarah kerana sejak saya bekerja di Komtar pada tahun 2008, inilah kali pertama Komtar yang begitu mengagumkan.

“Ada yang melihat Komtar akan ‘mati’, tetapi, kami tidak pernah hilang keyakinan dan kami yakin Komtar boleh hidup dan kembali bersinar,” ucap Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada Majlis Perasmian Pembukaan The TOP pada 18 Disember lalu.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz mewakili Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi hadir menyempurnakan majlis perasmian berkaitan.

Bumbung atas The TOP iaitu *Rainbow Skywalk* menawarkan pemandangan 360 derjah setinggi 249 meter untuk melihat bangunan, laut, pusat rekreasi, bukit-bukau Pulau Pinang.

Turut tersenarai, *Jurassic Research Center*, *7D Discovery Motion Theater*, *Tech Dome Penang*, *Ocean Explorer*, *Dino Gym*, *DanceOki*, *Magic Mirror Maze*, *Musical Carousel*, *Dragon Regatta* dan *Jelly Jump* merupakan antara 28 bahagian menarik untuk dinikmati oleh pengunjung tempatan serta pelancong asing ke The TOP.

Layari, <http://thetop.com.my> bagi maklumat lanjut.

THE HABITAT

Tarikan di pusat eko-pelancongan, *The Habitat* pula antaranya adalah laluan trek sejauh 1.6 kilometer (km), *Tree Top Walk* setinggi 12 meter dari tanah (820 meter dari aras laut secara keseluruhan) dengan menawarkan pemandangan indah 360 derjah Pulau Pinang meliputi panorama Seberang Perai,



REPLIKA dinosaurus di *Jurassic Research Centre* di The TOP. (Gambar ihsan: The TOP).

Gunung Jerai, Pulau Langkawi yang akan dibuka dalam tempoh terdekat.

Tarikan lain termasuk dataran pendataran helikopter, pejabat pengurusan dan pelancongan, buaiang gergasi, lokasi santai, gerai jualan cenderamata dan kafe.

Fasa Dua yang dijangka siap pada pertengahan tahun 2017 bakal menempatkan Jambatan Kanopi Hutan sejauh 230 meter merentasi lembah hutan setinggi 40 meter dan cabaran *Zip Line (Flying Fox)* sepanjang 700 meter yang pasti menguji adrenalin pengunjung.

Meneroka ke dalam *The Habitat*, sekiranya berasas baik, para pengunjung turut berpeluang menemui beberapa spesies flora dan fauna seperti tupai hitam gergasi, unggas-unggas liar, serangga hutan bersaiz besar, rama-rama dan pelbagai lagi.

The Habitat beroperasi dari 9 pagi hingga 6 petang setiap hari dan tutup pada setiap hari Rabu.


JOM!



DUA pengunjung mencuba buaiang gergasi sambil merakam gambar alam semulajadi di *The Habitat*.



RUPA bentuk *Tree Top Walk*, *The Habitat*.



PEMANDANGAN di *Rainbow Skywalk* pada waktu malam. (Gambar ihsan: The TOP).